

## Bab 1

### Latar Belakang Sejarah

Walaupun ideologi komunis telah menyusup ke Tanah Melayu<sup>1</sup> sejak tahun 1920-an, namun gerakan komunis hanya mencapai kemuncak pada tahun 1948 dengan meletusnya pemberontakan bersenjata. Sejak itu, pergerakan komunis menjadi anasir terbesar mengancam keselamatan negara. Ini menyebabkan kerajaan British terpaksa mengambil tindakan mengisyiharkan darurat di Tanah Melayu pada bulan Jun 1948. Dalam pada itu, berbagai langkah diambil oleh kerajaan untuk menghapuskan kegiatan komunis pada zaman darurat. Walaupun dikatakan komunis menemui kegagalan dalam usaha membentuk negara republik komunis di Tanah Melayu, namun ia meninggalkan kesan mendalam terhadap keadaan sosial di Tanah Melayu. Pada zaman darurat, di Tanah Melayu, hampir setiap hari manusia terkorban, lebih-lebih lagi orang awam yang tidak berdosa dan harta benda yang tidak ternilai dimusnahkan oleh pengganas komunis. Setiap bulan kerajaan terpaksa membelanjakan sejumlah wang yang besar untuk menamatkan kehilangan nyawa, mengakhiri pertempuran dan kemusnahan atau kerosakan akibat daripada tindakan komunis. Walaupun darurat di Tanah Melayu diisyiharkan tamat pada 31 Julai 1960 dan menunjukkan kemenangan ada pada pihak kerajaan Tanah Melayu, namun perjuangan bersenjata komunis masih belum berakhir. Pimpinan mereka, Chen Ping<sup>2</sup> dan sebahagian komunis masih bersembunyi di sebelah sempadan Tanah Melayu-Thailand untuk menunggu kemungkinan peluang bagi mereka bertindak semula. Oleh itu, mereka masih merupakan satu ancaman kepada keselamatan negara.<sup>3</sup> Keadaan ini hanya berubah apabila mereka tunduk kepada kerajaan dan menandatangani Perjanjian Damai (atau dikenali sebagai Perjanjian Perletakan Senjata

oleh Parti Komunis Malaya (PKM)/Perjanjian Haadyai). Perjanjian ini ditandatangani di antara PKM dengan kerajaan Malaysia serta PKM dengan kerajaan Thailand pada 2 Disember 1989.<sup>4</sup> Bagi kerajaan Malaysia, PKM kekal diharamkan walaupun ia telah menandatangani pakatan keamanan dengan kerajaan. Ini kerana PKM bersetuju untuk membubarkan perjuangan bersenjata tetapi bukan ideologinya.<sup>5</sup> Walau bagaimanapun, penandatanganan Perjanjian Damai menandakan berakhirnya perjuangan komunis yang bermula dengan penentangan terhadap British dan berlarutan selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

### **Kebangkitan Komunisme dan Penubuhan Parti Komunis Malaya (PKM)**

Fahaman komunis mula dibawa masuk ke Tanah Melayu sejak awal tahun 1920-an melalui cawangan parti Kuomintang (KMT)<sup>6</sup> yang mempunyai perikatan dengan komunis di Negara China.<sup>7</sup> Menjelang tahun 1924, cawangan dan ranting KMT telah ditubuhkan di hampir setiap negeri di Tanah Melayu sebagai pelapis bagi menyebarkan pengaruh komunis. Jadual 1 menunjukkan pada tahun 1924, cawangan KMT dibentuk di Seremban, Melaka, Muar, Pulau Pinang, Kedah, Kuala Lumpur, Klang, Sungai Patani dan Singapura. Manakala ranting KMT pula terdapat di Rantau dan Kuala Pilah di Seremban, Negeri Sembilan; Asahan, Jasin, Bemban dan Panchor di Melaka; Serom, Kwan Loan, Tangkak dan Hulu Tiram di Muar, Johor; Selama, Kroh, Klian Intan dan Tongkah di Pulau Pinang; Pulau Langkawi di Kedah; Ranting 1-5 di Kuala Lumpur; Ranting 1-12 di Klang, Selangor; Bendong, Baling dan Sungai Lalang di Sungai Patani, Kedah serta Ranting 1-5 di Singapura.

**Jadual 1**  
**Cawangan dan Ranting KMT di Tanah Melayu dan Singapura Pada Tahun 1924\***

<b>Cawangan</b>	<b>Ranting</b>
Seremban	Rantau Kuala Pilah
Melaka	Asahan Jasin Bemban Panchor
Muar	Serom Kwan Loan Tangkak Ulu [Hulu] Tiram
Pulau Pinang	Selama Kroh Klian Intan Tongkah
Kedah Kuala Lumpur Klang Sungai Patani	Pulau Langkawi Ranting 1 - 5 Ranting 1 - 12 Bedong Baling Sungai Lalang
Singapura	Ranting 1 - 5

\*Selain daripada cawangan dan ranting KMT yang disenaraikan di atas, terdapat juga cawangan dan ranting KMT di Sarawak dan lain-lain kawasan di Tanah Melayu seperti Sitiawan, Ipoh, Menglembu, Lahat, Pusing, Tronoh di Perak, Port Klang (Port Swettenham) di Selangor dan Pudu di Kuala Lumpur menjelang tahun 1924.

**Sumber:** Diubahsuai daripada maklumat yang diperolehi dari Monthly Review of Chinese Affairs, August 1934, hlm. 27-28, dalam C.O. 273/597/33046/Part III, Review of Chinese Affairs.

Secara umumnya, percubaan untuk menyebarkan ideologi komunis di kalangan orang Cina di Tanah Melayu telah bermula selewat-lewatnya di antara tahun 1921 hingga 1922. Fahaman ini diperkenalkan oleh penghijrah Cina yang juga adalah ahli KMT.<sup>8</sup> Pergerakan komunis di Tanah Melayu lebih teratur pada sekitar tahun 1926. Ini terbukti dengan penemuan beberapa penerbitan komunis dalam bahasa Cina yang disebarluaskan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, mengandungi berita mengenai pembebasan kaum

wanita, kaedah mengajar komunis di Rusia dan China, Revolusi Rusia, manifesto Parti Komunis Amerika dan risalah anti-imperialisme.<sup>9</sup>

Dalam tempoh 1920-an juga, didapati beberapa pemimpin komunis Indonesia seperti Alimin, Tan Malaka, Hasanoesi, Moeso, Winanta, Boedisoejitro, Soebakat dan Sutan Perpateh cuba menyebarkan sahaman komunis di kalangan orang Melayu di Tanah Melayu.<sup>10</sup> Ini adalah berikutan kegagalan komunis untuk menguasai Pulau Jawa pada tahun 1926 menyebabkan Tanah Melayu menjadi pilihan komunis Indonesia kerana kebanyakan penduduknya adalah Melayu sebagaimana di Indonesia. Bahasa yang dipertuturkan di kedua-dua negara pun dari rumpun yang sama. Namun demikian, komunisme tidak mendapat sambutan daripada orang Melayu di Tanah Melayu kerana mereka kurang tertarik dengan ideologi komunis. Orang Melayu pada peringkat itu masih berpegang kepada sikap menyerahkan hal pentadbiran kepada sultan. Oleh itu, mereka tidak perlu melibatkan diri dalam politik. Tambahan pula, Islam melarang orang Melayu daripada menjadi komunis. Dengan itu, mereka tidak mudah terpedaya dengan hasutan dan propaganda komunis.<sup>11</sup>

Bagi masyarakat India pula, mereka tidak berminat dengan politik tempatan, memandangkan tujuan mereka datang ke Tanah Melayu adalah untuk mencari kekayaan dan balik semula ke India. Lebih-lebih lagi, kehidupan kebanyakan orang India dihadkan oleh keadaan di estet getah yang merupakan tempat mereka mencari nafkah. Keadaan ini menyebabkan pendedahan mereka kepada perkembangan di luar estet amat kurang.<sup>12</sup> Namun demikian, sebelum Undang-Undang Darurat diperkenalkan, ada di kalangan mereka yang menjadi pekerja estet diugut supaya mengambil bahagian dalam mogok yang dianjurkan oleh komunis.<sup>13</sup>

Sebaliknya, ideologi komunis mendapat sambutan daripada orang Cina di Tanah Melayu. Penyertaan orang Cina dalam perjuangan komunis adalah kerana kesetiaan

mereka kepada tanah asal mereka dan segala perubahan yang berlaku di Negara China diambil perhatian. Mereka sentiasa ikut serta dalam politik China, walaupun berada berjauhan di rantau asing. Hakikat bahawa sebahagian besar pengganas komunis di Tanah Melayu terdiri daripada orang Cina memang tidak dapat dinasikan, malah penduduk keturunan Cinalah yang telah menguasai gerakan komunis di Tanah Melayu. Dalam ucapan Tan Cheng Lock<sup>14</sup> di Melaka pada 13 November 1950, beliau mengatakan 80% hingga 85% daripada pengganas komunis yang berada dalam hutan adalah terdiri daripada orang Cina.<sup>15</sup> Selain itu, sejak bermulanya darurat di Tanah Melayu sehingga tahun 1952, 2,778 pengganas telah dibunuh dan di antaranya 2,599 adalah orang Cina.<sup>16</sup> Oleh kerana sebahagian besar pengganas komunis berketurunan Cina dan sangat sedikit orang Melayu dan India yang turut serta dalam kegiatan komunis itu, sudah tentulah ia menggambarkan kurangnya sokongan orang Melayu dan India terhadap pergerakan komunis. Namun begitu, komunis sedar bahawa kerjasama daripada orang India dan Melayu adalah penting dalam perjuangan mereka. Ini dapat dilihat dalam dokumen komunis yang dirampas di Johor pada Ogos 1949. Antara lain, dokumen itu menyatakan “without them we cannot succeed, without them victory will not be ours.”<sup>17</sup>

Selain cawangan KMT, terdapat sebuah lagi pertubuhan komunis di Tanah Melayu dalam usaha menyebarkan ideologi komunis dan semangat anti-imperialisme yang dikenali sebagai *Main School*, berpusat di kalangan orang Hailam. *Main School* secara langsung diletakkan di bawah arahan Parti Komunis China (PKC) dan bergerak melalui kesatuan sekkerja,<sup>18</sup> pertubuhan,<sup>19</sup> akhbar<sup>20</sup> dan sekolah.<sup>21</sup> Pada tahun 1927, berlakunya perpecahan Parti Nasionalis (KMT) dan PKC di Negara China.<sup>22</sup> Dengan itu, pihak komunis di Tanah Melayu tidak dapat lagi menggunakan cawangan KMT dalam penyebaran fahaman mereka. Oleh yang demikian, pihak komunis di Tanah Melayu terpaksa mengatur langkah lain. Ini membawa kepada penubuhan Parti Komunis

Nanyang (PKN/*Nan-Yang Kung-Ch'an-Tang/South Seas Communist Party*) pada Mac 1928<sup>23</sup> di bawah arahan Biro Timur Jauh *Comintern* (*Communist International*) di Shanghai. Ia ditubuhkan sebagai alat *Comintern* untuk menyelaras, menggerak dan mengawasi pergerakan komunis di Tanah Melayu, Thailand, Burma, Annam, Indochina dan Indonesia dengan Singapura sebagai pangkalan atau pusatnya.<sup>24</sup> Namun begitu, PKN tidak berjaya mencapai matlamat seperti yang diharapkan. Keadaan ini mendorong pihak *Comintern* mengarahkan penubuhan sebuah parti baru. Pada 30 April 1930, Parti Komunis Malaya (PKM) ditubuhkan untuk menggantikan PKN dan berpusat di Singapura. Ia bertanggungjawab bagi mendirikan sebuah negara komunis selaras dengan objektif komunis dunia.<sup>25</sup>

### **Kegiatan PKM Sehingga Tahun 1948**

Pada tahun 1930, Tanah Melayu menyaksikan kelahiran sebuah parti komunis, yang dipanggil PKM. Pada tahun 1934, arahan diterima oleh Jawatankuasa Pusat PKM supaya mengaturkan aktiviti pemogokan, pemboikotan, sabotaj dan demonstrasi.<sup>26</sup> Walaupun PKM tidak dapat berkembang dengan begitu pesat pada peringkat awal, tetapi ia dapat bergerak dalam dua aktiviti penting. PKM berjaya mempergunakan keadaan kemelesetan ekonomi dunia pada awal tahun 1930-an untuk mempengaruhi kaum buruh di Tanah Melayu supaya menganjurkan pemogokan. PKM berjaya mempengaruhi pekerja dari hampir semua bidang, termasuklah pekerja kuari, pekerja binaan, pekerja kilang nenas, pembuat kasut, orang gaji, pekerja kilang getah dan sesetengah pekerja di estet getah (terutamanya orang Hailam dan Hakka).<sup>27</sup> Antara contoh mogok ialah yang berlaku di Kuala Lumpur, di kalangan pembuat kasut pada 30 Disember 1933 dan tukang jahit pada 8 Januari 1934. Alasan mereka melakukan mogok ialah menuntut kenaikan gaji dan memperbaiki keadaan tempat kerja mereka.<sup>28</sup> Pada 10 Oktober 1934, pemandu

lori berbangsa Cina di Pulau Pinang terlibat dalam mogok akibat daripada pengurangan bayaran untuk muatan lori dari 60 sen kepada 50 sen. Pemogokan itu berakhir pada 11 Oktober 1934 apabila mereka dijanjikan kadar bayaran baru.<sup>29</sup> Selain itu, pemogokan kecil juga berlaku di kalangan pekerja rotan di Seremban, Negeri Sembilan pada Disember 1934, setelah tuntutan gaji yang lebih tinggi ditolak. Namun demikian, berikutan dengan pemecatan ketua komplot itu, para pekerja kembali bekerja.<sup>30</sup> Selain itu, pekerja Cina di lombong besi kepunyaan Jepun, Sri Medan, Batu Pahat, Johor, mengadakan mogok pada 26 September 1935 kerana masalah kenaikan gaji. Kadar kenaikan gaji kemudiannya dipersetujui oleh pihak pengurusan sebanyak 20%.<sup>31</sup> Pada 5 November 1935, lebih daripada 200 penoreh getah Cina tiba di stesen polis Pagoh, Johor, untuk meminta kerja dan makanan. Kebanyakan mereka adalah orang Hailam dan mengadu kepada Pelindung Orang Cina, Johor bahawa mereka tidak dapat menampung hidup kerana kadar bayaran hasil getah telah diturunkan kepada 4.5 sen bagi 0.60 kilogram (sekati). Pihak majikan mengatakan bahawa itu adalah kadar biasa yang diberi dan mendakwa bahawa penghasut melawat kawasan mereka beberapa hari sebelumnya dan memujuk pekerja Cina untuk melakukan pemogokan pada 5 November 1935. Akibat daripada kejadian itu, 181 pekerja ditangkap dan ditahan.<sup>32</sup> Kes ini jelas menunjukkan bahawa kekacauan itu bukan semata-mata sebab ekonomi tetapi ia adalah usaha para penghasut. Antara tahun 1936-1937, atas hasutan PKM beberapa pemogokan juga berlaku di Tanah Melayu. Pada akhir Mac 1936, lebih 10,000 lelaki dan wanita di estet getah, kilang getah dan industri pengetinan nenas terlibat dengan pemogokan.<sup>33</sup> Begitu juga, 300 pekerja di *Kin Chin Saw Mill*, Bukit Changkang, Selangor, mengadakan mogok mulai 1 Januari 1937 hingga 3 Januari 1937. Peningkatan gaji dijanjikan adalah 15%. Pemogokan juga berlaku di Kilang Getah Sham Yip Leung, Klang, Selangor, antara 6 Januari 1937 hingga 15 Januari 1937. Mogok itu berakhir setelah dijanjikan peningkatan

gaji dari 7.5% ke 30%. Pada 13 Januari 1937, pekerja di Estet Hawthornden, Selangor, berhenti kerja dan menuduh bahawa mandur telah memalsukan akaun dan sesetengah pekerja dipecat dengan tidak adil. Setelah disiasat oleh pihak pengurus, kerja di estet dipulihkan pada 15 Januari 1937. Mogok sehari berlaku di *Kepong Tin Dredging Company*, Selangor, pada 16 Januari 1937 yang disebabkan timbul salah faham yang digiatkan oleh penghasut.<sup>34</sup> Selain itu, penoreh getah di Selangor dan Negeri Sembilan mengadakan mogok pada Mac 1937, tetapi mereka kembali semula bekerja pada 28 Mac 1937 setelah perbincangan diadakan dengan majikan mereka. Antara 27 Mac dan 1 April 1937, pemogokan merebak ke estet di Melaka. Penghasut dari Negeri Sembilan telah melawat beberapa estet di Melaka. Sekumpulan 30 lelaki termasuklah orang Hailam, Hakka, Kantonis, Hokkien, Teochew dan dua orang Melayu melawat Kampung Alor Gajah, Melaka, pada 28 Mac 1937, menghasut pekerja mengadakan mogok dan pekerja diserang jika mereka pergi bekerja. Kumpulan itu juga menghantar notis pemberitahu kepada penduduk kampung yang kononnya dikeluarkan oleh Persekutuan Getah Melaka (*Malacca Rubber Federation*). Tetapi, sebenarnya tidak wujud organisasi jenis itu di Melaka pada masa berkenaan. Berikutnya, suatu perjumpaan pemilik estet diadakan pada 1 April 1937 yang dihadiri oleh kira-kira 120 orang Cina. Dengan itu, bermula pada 5 April 1937, semua pekerja yang mogok kembali bekerja semula. Selain itu, sejak 27 Mac 1937, satu siri pemogokan mengambil tempat di estet di Johor. Pada 27 Mac 1937, 67 daripada 800 pekerja Cina Kantonis di Estet Paya Lang, Batu Anam, Johor, berhenti bekerja. Pekerja kembali bekerja pada 28 Mac 1937 setelah dijanjikan gaji minimum 80 sen sehari. Berikutnya, pada 28 Mac 1937, 88 pekerja Hailam lain berhenti kerja tanpa sebab yang jelas. Mereka kembali bekerja semula pada 30 Mac 1937.<sup>35</sup> Dalam kejadian lain di Seremban, Negeri Sembilan, pemogokan dilakukan oleh pembuat terompah pada 1 Mei 1937. Kerja dipulihkan pada 3 Mei 1937 setelah dijanjikan kenaikan gaji 10%.<sup>36</sup>

Walaupun didapati pemogokan berlaku di merata tempat di Tanah Melayu tetapi keadaan itu dapat dikawal setelah majikan bertolak ansur dalam hal yang berbangkit. Kebanyakan kekacauan itu timbul daripada permintaan untuk mendapat kenaikan gaji. Selain itu, pekerja di lombong arang di Batu Arang,<sup>37</sup> Selangor turut mogok. Atas hasutan komunis, pada Mac 1937, seramai 6,000 pekerja mengadakan mogok dan seterusnya mengambil alih lombong itu. Keadaan dapat dipatahkan dengan bantuan tentera dari Taiping yang bergegas ke kawasan lombong berkenaan.<sup>38</sup> Pihak komunis juga merancang untuk menghasut pekerja di lombong bijih timah di Kinta, Perak, supaya sama-sama mogok tetapi apabila tindakan mereka di Batu Arang, Selangor dapat dipatahkan, rancangan mereka untuk kawasan Kinta tidak dapat dijalankan.<sup>39</sup> Sementara itu, di Tanah Melayu sekurang-kurangnya telah berlaku 11 pemogokan sejak 3 September 1939 hingga 1940.<sup>40</sup> Antaranya, pada 18 Disember 1940, 2,000 penoreh Cina di Estet Ladang Geddes, Bahau, Negeri Sembilan, mengadakan mogok. Pada hari berikutnya, 160 pekerja Tamil di Estet Bahau bersebelahan dengan Ladang Geddes juga turut mogok. Pemogokan di kedua-dua estet itu berjaya ditamatkan pada 22 Disember 1940 setelah majikan setuju membayar 85 sen kepada penoreh Cina, 55 sen kepada pekerja lelaki Tamil dan 45 sen kepada pekerja wanita Tamil.<sup>41</sup> Selain itu, kerajaan juga memperolehi bukti bahawa pada tahun 1940 sebuah cawangan *Red General Labour Union* yang ahlinya terdiri daripada anggota PKM telah ditubuhkan di kalangan pekerja di lombong timah di *Pahang Consolidated Co. Ltd.*, Sungai Lembing, Pahang di bawah nama samaran *The Workers' Savings Society*. Ketika pertubuhan ini diketahui oleh pihak berkuasa, ia didapati telah wujud lebih daripada tiga bulan dengan 130 ahli. Pertubuhan itu mengumpulkan tabung untuk mengadakan mogok dan mengajar propaganda komunis kepada ahlinya. Selain itu, berdasarkan dokumen yang dijumpai oleh pihak polis didapati bahawa "latihan peringkat kedua telah bermula".<sup>42</sup> Daripada bukti yang didapati, PKM menjadi dalang dalam kekacauan itu

Namun demikian, mereka kurang berjaya kerana keadaan tersebut dapat diselesaikan setelah mendapat perhatian dan pertimbangan daripada pihak majikan.<sup>43</sup>

Dalam pada itu, PKM menggunakan Perang China-Jepun sebagai alasan menganjurkan gerakan anti-Jepun dan memperluaskan pengaruhnya di kalangan penduduk Cina di Tanah Melayu. Serangan Jepun ke atas Negara China pada tahun 1937 turut menaikkan semangat kebangsaan orang Cina di seberang laut, termasuklah di Tanah Melayu. PKM segera mengeksplotasikan luapan semangat kebangsaan orang Cina untuk meluaskan pengaruhnya. PKM bukan sahaja menyokong, malah meniupkan lagi semangat kebangsaan itu dengan menganjurkan dan mendalangi kempen anti-Jepun di Tanah Melayu. Pada 29 November 1937, di Melaka, seorang perempuan dicurahkan dengan tar ketika beliau meninggalkan sebuah kedai India. Ini kerana beliau dituduh membeli barang-barang Jepun dari kedai berkenaan. Berikut itu, dengan cepatnya sekumpulan kanak-kanak mengelilinginya dan mengejeknya. Pada 4 Disember 1937, sebuah bom dilemparkan ke dalam auditorium panggung wayang di *Fun and Frolic Amusement Park*, Pulau Pinang, kerana dikatakan rombongan pelakon yang membuat persembahan itu adalah mereka yang pro-Jepun. Bom itu terkena kepala seorang penonton Cina dan membunuhnya.<sup>44</sup> Pada 28 Disember 1937, sebuah lori yang membawa muatan barang dari Kuala Lumpur diperiksa untuk memastikan sama ada membawa barang Jepun. Barang itu diluluskan oleh pemeriksa tetapi kemudian sebahagian daripada gula dalam lori itu dituduh adalah berasal dari Jepun. Oleh itu, pemeriksa berkenaan diserang kerana dianggap sebagai pembelot.<sup>45</sup> Begitu juga, pada tahun 1938 di Cameron Highlands, Pahang, seorang pekebun Cina yang membeli babi daripada seorang Jepun yang akan meninggalkan negara ini telah diminta menjual babi itu dan menderma kepada Tabung Bantuan Perang. Manakala peniaga getah yang berbangsa Cina dihasut supaya jangan berniaga dengan *East Asiatic Co. Ltd.* di Klang, Selangor

yang menjual getah kepada Jepun.<sup>46</sup> Di Alor Setar, Kedah, pada 20 Julai 1938, lima beg kacang soya tiba dari Pulau Pinang ditolak kerana dipercaya adalah barang Jepun.<sup>47</sup> Pada 15 Ogos 1938, kedai Chop Kwong Yee Lung di Kampar, Perak, yang mengimport 20 beg kacang soya dari Singapura, diperiksa dan keraninya didakwa menerima barang Jepun.<sup>48</sup> Dalam kejadian lain, pada petang 3 Disember 1938, tar dilemparkan ke arah sebuah kereta yang dimiliki oleh dua orang pekerja dari Sarkas Tait di Melaka. Kemudian, pada sebelah malam sekumpulan orang mengelilingi seorang Cina yang memenangi sebuah anak patung dalam satu permainan di sarkas itu dan patung dimusnahkan kerana dituduh adalah barang buatan Jepun. Keadaan yang sama juga berlaku di pertunjukan sarkas di Seremban, Negeri Sembilan yang bermula pada 21 Disember 1938.<sup>49</sup> Tindakan anti-Jepun tersebut telah menjaskan nilai eksport Jepun ke Tanah Melayu. Nilainya menurun dari 67,433 juta yen pada tahun 1937 kepada 30,696 juta yen pada tahun 1938.<sup>50</sup>

Seterusnya, pada tahun 1939, Soviet Union dan Jerman mewujudkan perhubungan persahabatan antara mereka dengan menandatangani satu perjanjian yang dikenali sebagai *Soviet Jerman Pact*. Jerman adalah salah sebuah negara Fasis, bersama-sama dengan Itali dan Jepun. Oleh kerana Jepun termasuk dalam kumpulan Fasis ini, Soviet Union mengarahkan PKM supaya jangan mengamalkan dasar anti-Jepun tetapi mengamalkan dasar anti-British. Walau bagaimanapun, PKM tidak berjaya menjalankan dasar baru ini dengan sepenuhnya. Lagipun, mereka berasa serba salah dengan arahan Soviet Union. Mereka tidak dapat mempengaruhi golongan Cina yang menjadi kaum majoriti dalam PKM kerana ramai di antara golongan Cina ini masih setia kepada Negara China dan mempunyai perasaan anti-Jepun. Pada tahun 1941, Jerman memungkir janjinya dan menyerang Rusia. Dengan itu, bermulalah perang di Eropah. Pada masa yang sama, Comintern mengarahkan PKM menukar dasarnya dari anti-British kepada anti-Fasis. Jadi

sekarang, PKM menjadi pro-British dan anti-Jepun, iaitu menyokong British yang menjadi rakan sekutu Rusia menghadapi Jepun di timur dan Jerman di barat. PKM menawarkan kerjasama kepada British bagi menghadapi kemaraan Jepun di Tanah Melayu.

Serangan Jepun di Tanah Melayu mulai 8 Disember 1941<sup>51</sup> telah memberi rahmat tersembuni kepada pihak komunis kerana pada zaman ini pihak British memberi bantuan dan membolehkan pihak komunis mengukuhkan lagi kedudukannya. PKM berganding bahu dengan pemerintahan British untuk sama-sama menentang Jepun bagi membebaskan negara.<sup>52</sup> Ini kerana PKM sedar bahawa jika Jepun menguasai Tanah Melayu sudah pasti PKM akan dihapuskan dan ahli-ahlinya yang lebih kurang 90% orang Cina tidak dapat terlepas daripada cengkaman Jepun. Walaupun begitu, kerjasama itu ditolak oleh British pada awalnya, kerana pada masa lepas PKM menimbulkan banyak masalah kepada kerajaan dan merancang mengambil alih kuasa di Tanah Melayu. Apabila Jepun menyerang Tanah Melayu pada 8 Disember 1941, British akhirnya menerima tawaran tersebut dengan berdasarkan kerjasama militeri dan bukan kerjasama politik.<sup>53</sup> British bersetuju untuk melatih rekrut komunis yang akan berjuang menentang Jepun. Dengan itu, PKM menghantar pemuda Cina sebagai pelatih di *101 Special Training School* (101 STS)<sup>54</sup> di Singapura.<sup>55</sup> Kumpulan inilah kemudian membentuk satu kuasa perjuangan kuat yang dikenali sebagai Pasukan Tentera Rakyat Malaya Anti-Jepun (*Malayan People's Anti-Japanese Army*/MPAJA) atau lebih dikenali dengan nama Bintang Tiga pada Mac 1942. Tujuan utama penubuhan MPAJA ialah meneruskan penentangan terhadap Jepun dan menuuhkan Republik Komunis Malaya.<sup>56</sup> Dengan itu, boleh dikatakan MPAJA ditubuhkan dengan bantuan British di antara tahun 1942 hingga 1945. MPAJA bergerak dengan bantuan *Malayan People's Anti-Japanese Union* (MPAJU) untuk mendapatkan sokongan penduduk Tanah Melayu.<sup>57</sup> MPAJA beroperasi

di dalam hutan, manakala MPAJU beroperasi di bandar yang dikuasai oleh Jepun. Dengan itu, ia bertepatan dengan strategi serampang dua mata Mao Tze-tung,<sup>58</sup> iaitu menjalankan perjuangan bersenjata di dalam hutan dan perjuangan subversif serta penyusupan di kawasan yang dikuasai oleh musuh.<sup>59</sup>

Pendudukan Jepun memberikan PKM satu pengalaman dalam peperangan secara gerila terhadap Jepun dengan kerjasama British melalui Pasukan 136.<sup>60</sup> Jika dilihat dari kepentingan jangka panjang perjuangannya, PKM lebih beruntung dengan pendudukan Jepun itu kerana bantuan senjata, latihan, kewangan, bekalan lojistik dan perubatan daripada pihak British,<sup>61</sup> yang kemudian digunakan dalam pemberontakannya pada tahun 1948. Di samping itu, PKM menjadi lebih popular kerana penglibatannya dalam menentang tentera Jepun melalui MPAJA. Penubuhan MPAJA bagi orang Cina bukan sahaja menyediakan perlindungan daripada Jepun, tetapi juga memberi satu inspirasi yang besar kepada orang Cina. Orang Cina yang kebanyakannya penyokong PKM memberi sumbangan kepada MPAJA dengan membekalkan bahan makanan, wang, maklumat dan rekrut. Menerusnya juga, PKM berjaya memperluaskan pengaruhnya di kalangan rakyat. Rakyat yang bencikan keganasan, kekejaman dan penderitaan akibat kedatangan Jepun mudah dikeslopati untuk menyokong perjuangan MPAJA kerana ia bertindak sebagai penggerak utama menentang Jepun di negara ini. Justeru itu, apabila British kembali ke Tanah Melayu, mereka mendapati PKM semakin mantap dan lebih kuat dalam semua segi jika dibandingkan dengan zaman sebelum perang.

Pengisytiharan tamat Perang Dunia Kedua dan penyerahan kalah tanpa syarat oleh Jepun pada 15 Ogos 1945 setelah kota Hiroshima dan Nagasaki dimusnahkan oleh bom atom pihak Berikat, mengembalikan kekuasaan British di Tanah Melayu.<sup>62</sup> Selepas penyerahan Jepun, kedudukan MPAJA yang lengkap bersenjata itu menjadi semakin kukuh dan megah. Wujudnya kekosongan politik dan ketenteraan di Tanah Melayu

selepas penyerahan kalah tentera Jepun telah dimanipulasikan oleh PKM dan MPAJA kerana ia merupakan kumpulan bersenjata yang tersusun pada ketika itu. Kelewatan pihak British kembali ke Tanah Melayu selepas penyerahan Jepun, iaitu pada 3 September 1945 memberi peluang penguasaan kepada PKM/MPAJA. Mereka keluar dari hutan dan mengambil alih banyak kampung dan pekan. Lebih kurang dua minggu di antara masa penyerahan Jepun dengan ketibaan Pentadbiran Tentera British (*British Military Administration/BMA*),<sup>63</sup> hampir 70% bandar, pekan dan kampung seperti Kluang, Muar, Johor Bahru dan Batu Pahat di Johor; Klang di Selangor; Tampin dan Titi di Negeri Sembilan, Bidor, Lenggong dan Kroh di Perak, dikuasai oleh unit MPAJA dan dilaksanakan pemerintahan seolah-olah rejim komunis berkuasa sepenuhnya.<sup>64</sup>

Sebaik sahaja muncul dari hutan, mereka melakukan penganiayaan di sana sini, kononnya terhadap orang yang melakukan kesalahan jenayah kepada penduduk dan yang bersubahat dengan Jepun. Mereka mengadakan perbicaraan sendiri, melakukan kezaliman, membunuh ramai orang Melayu dan Cina dan mengancam seluruh penduduk. Dianggarkan MPAJA telah membunuh lebih kurang 2,542 orang Cina, Melayu, India dan lain-lain yang dianggap sebagai tali barut Jepun.<sup>65</sup> Kezaliman tersebut memuncak kepada pergambaran yang besar apabila orang Melayu mengambil tindak balas terhadap orang Cina di kawasan luar bandar. Misalnya, di Sungai Manik, Batu Kikir, Perak, orang Melayu mengamuk terhadap orang Cina kerana MPAJA masuk ke kampung dan menangkap ayam, mengambil sayur dengan membawa senapang patah.<sup>66</sup> Di Johor, pertelingkahan lebih berleluasan, dan menyebabkan 10,000 penduduk menjadi pelarian di Muar dan 4,000 di Batu Pahat.<sup>67</sup> Di beberapa tempat seperti Kuala Lipis dan Bentong, Pahang; Banting, Selangor serta Kota Bharu, Kelantan, pengganas komunis melakukan keganasan ke atas penduduk tempatan, merompak harta dan merampas rumah mereka. Di Hulu Jempul, Negeri Sembilan, pengganas bersenjata memasuki kampung untuk

menubuhkan pertubuhan, mengutip yuran keahlian dan derma, memberi ceramah serta menyebarkan propaganda anti-British dan mengagung-agungkan keupayaan komunis.<sup>68</sup> Malahan, mereka telah menduduki Gua Musang, Kota Bharu, Kelantan dan beberapa bandar serta kampung lain dengan mengisyiharkan diri mereka sebagai tuan. Mereka juga mendirikan sekatan jalan, menghentikan keretapi dan bas, memeriksa setiap kenderaan dan semua penumpang, memasuki kampung Melayu dan Cina dengan tujuan untuk mencari polis, detektif, penyampai maklumat dan pensubahat lain.<sup>69</sup> Apabila pembalasan ini diperluaskan meliputi kampung Melayu, kekejaman antara kaum meletus. Pada 6 November 1945, perkelahian di antara orang Melayu dengan Cina tercus di Padang Lebar, Negeri Sembilan, yang mengakibatkan 40 orang terbunu. Pertempuran kaum juga berlaku di beberapa daerah seperti di Batu Pahat, Johor. MPAJA menyerang kampung Melayu untuk menunjukkan kehandalan dan kekuatan mereka serta membala dendam ke atas orang Melayu yang didakwa pernah bersubahat atau menjadi ejen Jepun. Kejadian serupa juga berlaku di sekitar kawasan Sungai Manik, sekitar Bekor dan Lenggong di Perak; Padang Lebar di Negeri Sembilan dan di Raub, Pahang; Kluang dan Mersing di Johor serta juga di Melaka.<sup>70</sup> Pendek kata, seluruh negara berada dalam keadaan kegelisahan dan keresahan.

Apabila pemerintahan British di bawah BMA kembali berkuasa di Tanah Melayu, pasukan MPAJA dibubarkan pada 1 Disember 1945 dengan persetujuan PKM.<sup>71</sup> Sebagai ganjaran, BMA memberi sagu hati \$350 dan satu beg beras kepada setiap gerila tanpa mengira pangkat dan berjanji menolong mereka mendapat pekerjaan atau memulakan penghidupan baru. Lebih kurang 6,800 ahli MPAJA menyerahkan senjata dan menerima bayaran sagu hati.<sup>72</sup> British mengarahkan agar semua senjata yang diberikan oleh British semasa pendudukan Jepun dahulu dikembalikan. Ramai daripadanya bersetuju untuk membubarkan rejimen masing-masing, namun begitu beribu-ribu alat senjata yang

mereka perolehi semasa zaman pendudukan Jepun disembunyikan oleh komunis dalam hutan.<sup>73</sup> Ini bertujuan untuk melengkapkan PKM bagi mencapai matlamat mereka, iaitu menubuhkan Republik Komunis Malaya. Dengan itu, jelas membuktikan bahawa sebenarnya PKM tidak jujur dalam menjalinkan kerjasama dengan British. PKM mengambil kesempatan dengan memanfaatkan senjata yang dibekalkan oleh British semasa perang untuk kepentingan sendiri.

Sebagai menggantikan MPAJA, satu badan ditubuhkan dan pertubuhan ini dikenali sebagai Persatuan Bekas Seperjuangan. Ia bertujuan untuk mengekalkan hubungan di antara bekas-bekas gerila MPAJA. Selepas BMA kembali ke Tanah Melayu, PKM diiktiraf sebagai sebuah pertubuhan yang sah dan ini memberi peluang kepada mereka untuk mempengaruhi beberapa pertubuhan dengan ideologi mereka. Ini termasuklah *New Democratic Youth League* (NDYL), *General Labour Union*, Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), *Malayan Democratic Union* (MDU), *Malayan Indian Congress* (MIC), Hisbul Muslimin dan Saberkas (Kedah). PKM menjadi tenaga penggerak utama dalam gabungan *All Malayan Council of Joint Action-Pusat Tenaga Rakyat* (AMCJA-PUTERA),<sup>74</sup> dengan harapan gabungan ini akan bekerjasama dan berganding bahu dengannya demi mencapai matlamat perjuangan PKM. Mereka juga berusaha menggagalkan rancangan politik yang diwujudkan oleh pihak British, iaitu *Malayan Union*. Namun demikian, dengan tertubuhnya Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948, PKM menyedari bahawa matlamat mereka telah gagal.

Selain itu, keadaan kemerosotan ekonomi selepas perang menyebabkan PKM sedar bahawa mereka perlu bertindak segera agar lumpuh segala jentera kerajaan. PKM mula mengambil langkah meluaskan pengaruhnya dalam kesatuan sekkerja di Tanah Melayu melalui alat mereka yang paling ketara, iaitu pemogokan.<sup>75</sup> Apabila wujudnya rasa tidak puas hati terhadap dominasi komunis ke atas para pekerja, maka berbagai cara

digunakan termasuk kekerasan, ugutan dan pemerasan demi mengekalkan kekuasaan mereka di kalangan pekerja di Tanah Melayu. Kemudian diikuti pula dengan perbuatan membakar harta benda dan perbuatan kejam membunuh majikan, kepala (ketua) buruh Cina dan juga pengurus ladang berbangsa Eropah.<sup>76</sup> Pihak komunis berharap keadaan itu akan mengganggu perkembangan ekonomi Tanah Melayu dan kehidupan harian penduduk. Dengan itu, mereka dapat memperkuatkan barisan perjuangan kerana penduduk yang hilang keyakinan terhadap kekuasaan pihak British akan menyokong perjuangan mereka. PKM dapat mempengaruhi kesatuan sekerja melalui kawalan terhadap *Pan-Malayan Federation of Trade Union* (PMFTU).<sup>77</sup> Antara enam bulan dari Disember 1947 hingga Mei 1948, dilaporkan 130 daripada 335 kesatuan sekerja adalah di bawah pengaruh komunis dan 70 lagi kesatuan turut diragui dipengaruhi komunis.<sup>78</sup> Pada tahun 1947 sahaja, bilangan pemogokan, hasutan dan kekacauan bertambah berlipat ganda di kalangan pekerja yang dipercayai mempunyai hubungan dengan PKM. Kesatuan sekerja menuntut kenaikan gaji dan keadaan kerja yang lebih baik daripada majikan mereka yang kebanyakannya berbangsa Eropah. Tuntutan ini kerap kali berakhir dengan rusuhan. Pada tahun 1947, lebih 300 tunjuk perasaan dan pemogokan yang melibatkan 69,000 pekerja untuk merosakkan ekonomi berlaku dan dipercayai ianya dianjurkan oleh PKM di Tanah Melayu.<sup>79</sup> Keadaan ini menimbulkan kegelisahan buruh di Tanah Melayu dan para majikan terpaksa meminta bantuan kerajaan untuk menyekat gerakan kesatuan sekerja. Oleh itu, boleh dikatakan walaupun British telah kembali semula ke Tanah Melayu pada September 1945, komunis masih cuba mendapat sokongan daripada penduduk Tanah Melayu dan menimbulkan kekacauan di Tanah Melayu.

Pada akhir tahun 1947, kerajaan di Singapura dan Kuala Lumpur memindahkan undang-undang buruh untuk mendaftarkan semua kesatuan sekerja dan mengawal aktiviti kesatuan sekerja. Selain itu, syarat juga dikenakan ke atas pegawai kesatuan yang

memegang jawatan. Ini termasuklah pada 31 Mei 1948, kerajaan Persekutuan merangka satu undang-undang yang dikenali sebagai *Trade Unions Ordinance No. 9 of 1948*. Ordinan ini menghadkan persekutuan kesatuan sekerja kepada persekutuan kesatuan berdasarkan perniagaan, pekerjaan dan industri yang sama serta memastikan pemimpin dalam kesatuan sekerja tidak mempunyai rekod kesalahan jenayah seperti pernah terlibat dalam pemerasan dan ugutan.<sup>80</sup> *Trade Unions (Amendments No.2) Ordinance, 1948* juga mula dikuatkuasakan pada 12 Jun 1948 untuk menjamin mereka sebenarnya adalah kesatuan sekerja dengan ahli-ahli untuk tujuan kesatuan sekerja dan pemimpin mereka sama ada pekerja bergaji di industri itu atau sekurang-kurangnya orang yang mempunyai tiga tahun pengalaman dalam industri berkenaan.<sup>81</sup> Tindakan ini telah dapat melemahkan kekuasaan komunis dalam kesatuan sekerja di Tanah Melayu. Misalnya, PMFTU dan 10 sekutunya tidak layak untuk didaftar kerana ahlinya datang daripada berbagai industri yang berbeza.<sup>82</sup> Dengan itu, boleh dikatakan tujuan ordinan itu ialah untuk menghancurkan sama sekali PMFTU. Sekatan yang dibuat oleh kerajaan ini dianggap menutup peluang PKM untuk berjuang secara damai. Pada tahun 1948, PKM semakin mengalami keadaan berpecah belah dan kesulitan yang serius dalam organisasinya. Ahli kanan Jawatankuasa Kerja Pusat disyaki memboroskan wang parti. Pada bulan Mac 1947, Setiausaha Agung PKM, Lai Tek<sup>83</sup> menghilangkan diri dengan wang simpanan parti. Perkara ini kemudiannya didedahkan oleh PKM bahawa beliau adalah ejen Jepun dan kemungkinan juga ejen British.<sup>84</sup> Akhirnya, menimbulkan perasaan curiga-mencuriga serta saling mempersalahkan di antara ahli-ahli PKM. Pada masa yang sama, Chen Ping dilantik sebagai Setiausaha Agung PKM menggantikan tempat Lai Tek. Beliau adalah seorang pemimpin yang bersikap lebih radikal. Beliau berpendapat bahawa satu revolusi perlu diadakan sekiranya PKM ingin menguasai politik Tanah Melayu. Oleh yang demikian, PKM akhirnya mengambil keputusan untuk mengangkat senjata.

## **Pemberontakan Bersenjata Komunis dan Langkah-langkah Kerajaan Mengatasinya**

Keputusan melancarkan pemberontakan bersenjata PKM selalu dikaitkan dengan tekanan komunis luaran. Tetapi, sebenarnya PKM telah lama berusaha ke arah mengambil alih Tanah Melayu dan Singapura, sekiranya perlu melalui kekerasan. Ini hanya bergantung kepada soal ruang, masa dan keupayaan atau kemampuan yang ada pada mereka. Dengan itu, boleh dikatakan tekanan dari luar tidak dapat menimbulkan pemberontakan dengan tiba-tiba sahaja tetapi benih pemberontakan telah tersemai terlebih awal. Kegelisahan buruh, tindakan tegas kerajaan dan keengganan pihak British memberi PKM kebebasan mutlak mengambil bahagian di dalam pergerakan buruh atau bergerak secara perlombagaan, memaksa PKM memilih jalan perjuangan bersenjata.<sup>85</sup> Namun demikian, tekanan komunis antarabangsa tidak dapat diabaikan dalam hal kebangkitan pemberontakan bersenjata komunis di Tanah Melayu, kerana tekanan komunis luar mempercepatkan pemberontakan bersenjata dilancarkan oleh komunis di Tanah Melayu bagi merealisasikan cita-cita mereka.

Pada Februari-Mac 1948, dua persidangan besar telah dianjurkan oleh pergerakan komunis antarabangsa di Calcutta iaitu Persidangan Kongres Belia Asia (19-25 Februari 1948) dan Persidangan Parti Komunis India pada Mac 1948.<sup>86</sup> Parti Komunis British menyiaran arahan sulit daripada Parti Komunis Soviet Union bagi melancarkan perjuangan kebebasan bangsa. PKM turut menghantar wakil ke persidangan ini dan balik dengan membawa arahan tersebut.<sup>87</sup> Dalam persidangan dan kongres tersebut, pengikut komunis di kawasan yang dijajah, juga digesa supaya memperhebatkan perjuangan menentang kuasa imperialism dan golongan reaksioner dalam tiap-tiap negara di Asia.<sup>88</sup> Berikutan dengan seruan dan galakan terbuka dalam persidangan tersebut, Jawatankuasa Eksekutif Pusat PKM dalam perjumpaan pada Mac 1948 dan awal Jun 1948 mengambil keputusan melancarkan perjuangan bersenjata sebagai meneruskan usaha menuju ke-

Republik Komunis di Tanah Melayu.<sup>89</sup> Jadi, Kongres Belia Asia dan Persidangan Parti Komunis di Calcutta itu boleh dianggap sebagai topeng yang melindungi tujuan sebenar parti komunis, iaitu merancang pemberontakan di Asia Tenggara, termasuklah Tanah Melayu.

Bagi memastikan kejayaan dalam cita-cita perjuangan, pengganas komunis menjalankan sabotaj dan keganasan, seperti melakukan pembunuhan atau percubaan membunuh pengurus ladang dan lombong, serangan ke atas balai polis dan pusat kawalan pasukan keselamatan yang terpencil, serangan hendap ke atas pasukan keselamatan, ugutan, penculikan dan keganasan lain. Menjelang Jun 1948, keadaan semakin gawat dan tegang sehingga mencapai kemuncak dengan pembunuhan tiga orang peladang Eropah di Sungai Siput, Perak pada 16 Jun 1948.<sup>90</sup> Berikutnya, pada petang 16 Jun 1948, Edward Gent,<sup>91</sup> selaku Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu terpaksa mengisyiharkan Undang-Undang Darurat,<sup>92</sup> meliputi kawasan Ipoh dan Sungai Siput, Perak serta daerah Kluang, Muar, Kulai dan Plentong di Johor.<sup>93</sup> Pada hari keesokannya, Undang-Undang Darurat dilanjutkan meliputi keseluruhan dua negeri tersebut. Seterusnya pada 18 Jun 1948, pengisyiharan darurat diperluaskan ke seluruh Tanah Melayu.<sup>94</sup> Dengan itu, usaha menentang komunis di Tanah Melayu bermula dengan rasmi. Manakala di Singapura, Undang-Undang Darurat dikuatkuasakan pada 24 Jun 1948.<sup>95</sup>

Darurat diumumkan di bawah “*B.M.A. (Essential Regulations) Proclamation*”. Antaranya, pengisyiharan darurat memberi kuasa yang luas kepada kerajaan. Kerajaan boleh mengenakan hukuman berat kepada mereka yang membantu pengganas komunis, termasuk hukuman mati bagi mereka yang didapati membawa senjata api.<sup>96</sup> Sesiapa yang dijumpai memiliki dokumen PKM dan menyebarkan propaganda PKM akan dipenjarakan sehingga 10 tahun. Begitu juga, hukuman penjara sehingga 10 tahun dikenakan ke atas mereka yang didapati berminat terhadap dokumen komunis.<sup>97</sup> Selain itu, beberapa kuasa

khas dikeluarkan berkenaan dengan tangkapan, penahanan, perhimpunan orang ramai,<sup>98</sup> perintah berkurung, memeriksa orang dan rumah yang disyaki dan menutup jalanraya, lorong serta sungai.<sup>99</sup> Undang-Undang Darurat juga meliputi hukuman mati kepada mereka yang bersabit kesalahan mengumpul atau menerima wang, makanan atau bekalan bagi pengganas komunis.<sup>100</sup> Ia juga memberi kuasa kepada pihak kerajaan untuk mengawal kedai dan arahan untuk menutup kedai yang didapati memberi bantuan kepada pengganas komunis,<sup>101</sup> kuasa untuk membersihkan kawasan luar bandar agar memutuskan hubungan pembekal dengan pengganas komunis dan hukuman buang negeri ke atas mereka yang disyaki menyokong pengganas komunis.<sup>102</sup> Selanjutnya, kerajaan Tanah Melayu dan Singapura bertindak mengharamkan PKM pada 23 Julai 1948.<sup>103</sup> Dengan itu, PKM bergantung sepenuhnya kepada perjuangan bersenjata untuk mencapai cita-cita politiknya. Pada masa yang sama, pihak kerajaan mengambil inisiatif memulakan berbagai langkah dalam membanteras kegiatan komunis.

Pesuruhjaya Tinggi Edward Gent terkorban dalam naas kapal terbang pada 4 Julai 1948.<sup>104</sup> Alec Newboult<sup>105</sup> dilantik sebagai pemangku Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu. Beliau membuat satu keputusan yang memberi tamparan kepada pengganas komunis, iaitu pengenalan pendaftaran kebangsaan dan kad pengenalan. Langkah ini mula berkuatkuasa pada 23 Julai 1948,<sup>106</sup> atas cadangan Doktor Ong Chong Keng, seorang ahli Majlis Perundangan Persekutuan dari Pulau Pinang.<sup>107</sup> Setiap lelaki, perempuan dan kanak-kanak yang berumur 12 tahun dan ke atas dikehendaki memiliki kad pengenalan dengan cop ibu jari dan foto masing-masing, di samping nama pemilik, bangsa, bahasa/dialek, tempat lahir, pekerjaan serta tempat tinggal sebagai tanda mereka telah berdaftar dengan pihak kerajaan. Mereka dikehendaki membawa kad pengenalan bersama-sama ke mana sahaja mereka pergi untuk diperiksa oleh pegawai keselamatan.<sup>108</sup> Kecuali Pahang dan Terengganu, kesemua negeri di Persekutuan Tanah Melayu

melengkapkan pendaftaran pada 28 Februari 1949.<sup>109</sup> Kelewatan di negeri-negeri ini bukan disebabkan gangguan komunis tetapi adalah kerana kesukaran perjalanan dari satu tempat ke satu tempat.

Pada 6 Oktober 1948, Henry Gurney<sup>110</sup> dilantik sebagai Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu. Henry Gurney sedar bahawa senjata sahaja tidak dapat memenangi perang menentang komunis tetapi kestabilan politik dan sosial adalah kunci utama ke arah kemenangan.<sup>111</sup> Selaras dengan ini, berbagai langkah diambil oleh Henry Gurney dari segi sosial dan politik dalam usaha menangani komunis. Dari segi sosial, Gurney mengambil keputusan memindah dan menempatkan semula setinggan<sup>112</sup> yang tinggal berselerak di pinggir hutan. Melalui penempatan semula, keyakinan penduduk setinggan terhadap keselamatan mereka di bawah perlindungan kerajaan semakin kukuh. Sehingga 10 Mac 1950, lebih kurang 4,600 keluarga, mengandungi 18,500 lelaki, perempuan dan kanak-kanak telah diletakkan di bawah kawalan pentadbiran kerajaan.<sup>113</sup> Selain itu, Gurney juga mengumumkan sistem ganjaran untuk maklumat yang membolehkan pembunuhan atau penangkapan penganas komunis.<sup>114</sup> Pada 6 September 1949, Gurney mengumumkan tawaran menyerah diri kepada anggota PKM yang tidak melakukan jenayah serius dengan jaminan bahawa mereka tidak akan dikenakan hukuman yang boleh membawa mati.<sup>115</sup> Kejayaan tawaran itu dapat dijelaskan dengan penyerahan diri 116 penganas di sepanjang September hingga Disember 1949.<sup>116</sup> Pada 22 Disember 1949, Henry Gurney mengisyiharkan Kempen Bulan Rakyat Melawan Penjahat dalam Majlis Perundangan Persekutuan.<sup>117</sup> Langkah ini diambil kerana pihak pemerintah sedar bahawa dalam usaha menamatkan darurat di Tanah Melayu, penglibatan orang ramai perlu diambil kira dan diberi perhatian kerana dengan kerjasama orang ramai, barulah dapat menewaskan penganas komunis (Rujuk Lampiran 5). Kempen ini juga merupakan satu gerakan sukarela bagi orang ramai dari semua lapisan masyarakat.

menggabungkan tenaga mereka secara langsung dalam usaha kerajaan menentang pengganas komunis yang ingin merosakkan kehidupan penduduk negara ini.<sup>118</sup> Menjelang hari pelancaran Bulan Rakyat Melawan Penjahat pada 28 Februari 1950, seramai 364,322 sukarelawan berbagai kaum telah mendaftarkan diri dan sedia berkhidmat.<sup>119</sup> Jumlah ini terus meningkat menjadi 422,256 orang pada 6 Mac 1950. Apabila pendaftaran ditutup pada 15 Mac 1950, jumlah sukarelawan menjangkau hampir 435,905 orang.<sup>120</sup> Keadaan ini menunjukkan penduduk Tanah Melayu bersedia mengambil bahagian dalam kempen kerajaan melawan pengganas komunis.

Lestenan General Harold Briggs<sup>121</sup> yang dilantik sebagai Pengarah Operasi Darurat pada April 1950,<sup>122</sup> berpendapat bahawa *clearing Malaya of terrorists was like clearing a Malaria-ridden country of mosquitoes.*<sup>123</sup> Briggs percaya bahawa “kunci” utama bergantung kepada kawalan kawasan setinggan dan penduduk harus diberi perlindungan. Pemberian perlindungan penting kerana penduduk yang tidak dapat dilindungi tidak akan memberi sokongan kepada kerajaan. Dengan itu, Briggs bertindak menempatkan semula kira-kira setengah juta penduduk dalam kampung baru.<sup>124</sup> Tindakan ini antara lain bertujuan untuk menjauhkan penduduk daripada gangguan pengganas komunis dan memutuskan hubungan pengganas komunis dengan pembekal makanan dan maklumat yang kebanyakannya terdiri daripada orang Cina.<sup>125</sup> Pada Disember 1950, terdapat 194 kawasan penempatan semula dengan penduduk berjumlah lebih daripada 290,000 orang.<sup>126</sup> Pada November 1951, sejumlah 362,000 penduduk ditempatkan semula di 315 kawasan penempatan semula.<sup>127</sup> Sehingga tahun 1952, Tanah Melayu telah mempunyai 440 kampung baru dengan penghuni seramai kira-kira 470,000 orang.<sup>128</sup> Terdapat sejumlah 480 kampung baru dengan jumlah penduduk 572,917 orang di Tanah Melayu pada tahun 1954.<sup>129</sup> Sehingga akhir darurat kira-kira 1.2 juta penduduk

luar bandar iaitu lebih kurang satu pertujuh daripada jumlah penduduk Tanah Melayu telah dipindahkan ke kira-kira 600 kawasan penempatan baru.<sup>130</sup>

Briggs juga memperkenalkan pasukan *Home Guard* sukarela dan sambilan bagi mengawal pekan, kampung dan kawasan penempatan semula pada September 1950.<sup>131</sup> *Home Guard*, antara lainnya dibentuk bagi membolehkan penduduk kampung terlibat secara aktif membantu anggota pasukan keselamatan dalam menjaga dan mengawal kampung mereka daripada ancaman pengganas komunis. Mereka juga diatur untuk memberi perhatian kepada orang asing yang hadir di kampung atau kawasan mereka dan kemudian melaporkan kepada pihak polis.<sup>132</sup> *Home Guard* juga ditugaskan untuk mengatur perkhidmatan kesihatan di sekolah dan kerja kebajikan.<sup>133</sup> Mereka juga bertindak menyekat penyaluran makanan dan ubat-ubatan dari kampung dan kawasan penempatan semula daripada jatuh ke tangan pengganas komunis.<sup>134</sup>

Selain itu, pada Januari 1950, Jeneral Briggs memperkenalkan satu skim pendaftaran rumah. Penduduk di sesuatu kawasan itu dikehendaki mendaftarkan diri melalui ketua rumah dan ketua kampung atau ketua kawasan. Ketua dari setiap keluarga dikehendaki mengisi rekod ahli keluarganya, termasuklah nama dan butir-butir mereka yang berumur 12 tahun ke atas. Sekiranya seseorang itu tidak bermalam di rumah semalam, ketua hendaklah merekodkannya. Begitu juga, tetamu yang datang ke rumah itu dan bermalam, nama serta butir lengkapnya hendaklah direkodkan.<sup>135</sup> Ketua kampung diberi kuasa untuk memasuki mana-mana rumah di kawasan kekuasaannya pada bila-bila masa untuk menyiasat bilangan ahli yang tinggal dalam rumah berkenaan dan rekod mereka. Ketua kampung juga mempunyai kuasa untuk menangkap sesiapa yang disyaki tidak menurut undang-undang.<sup>136</sup>

Pada April 1950, Briggs mengarahkan diwujudkan sebuah Majlis Perang Persekutuan (*Federal War Council/FWC*) yang merangka dasar serta menguntukkan

sumber bagi mengatasi perang melawan komunis.<sup>137</sup> Di peringkat negeri, ditubuhkan Jawatankuasa Kerja Perang Negeri (*State War Executive Committee/SWEC*). Tugasnya ialah memutuskan hubungan antara pengganas komunis dalam hutan dengan penyokongnya di bandar dan kampung; membuat penyusunan bagi merancang dan menempatkan semula setinggan di kawasannya.<sup>138</sup> Di peringkat daerah, ditubuhkan Jawatankuasa Kerja Perang Daerah (*District War Executive Committee/DWEC*).<sup>139</sup> DWEC ditugaskan untuk membincangkan dan mencari penyelesaian ke atas soal-soal seperti kawalan makanan, penempatan semula, pengumpulan semula, pengenaan dan pengurangan batasan perintah berkurung, masalah yang ditimbulkan oleh kaum buruh dan perkara lain yang berkaitan dengan perang menentang komunis.<sup>140</sup> Pada Mei 1952, Ordinan Majlis Kampung yang meliputi kampung Melayu dan juga kampung baru Cina diperkenalkan. Ahli-ahli Majlis yang terpilih itu bertanggungjawab dalam mentadbir hal ehwal kampung, seperti mengutip cukai, mengawasi kemudahan, kesihatan, persekolahan, pasar awam, pusat komuniti dan penyelenggaraan lorong dan jalan di kampung masing-masing.<sup>141</sup> Langkah ini dapat mendekatkan lagi penduduk kampung dengan kerajaan melalui ahli jawatankuasa kampung. Pada masa yang sama, kerajaan akan lebih mengetahui tentang keperluan, keinginan dan harapan penduduknya.<sup>142</sup> Selain itu, penubuhan Majlis Kampung juga dapat meningkatkan kerjasama dan persefahaman, sikap bertolak ansur di kalangan penduduk kampung, misalnya, melalui perjumpaan antara jawatankuasa kampung berhubung dengan urusan-urusan kampung atau penempatan.<sup>143</sup> Selain itu, Briggs juga memperkenalkan undang-undang mencegah makanan, ubat dan bahan letupan sampai ke tangan pengganas komunis dalam hutan, yang sekaligus juga dapat melindungi penduduk daripada ancaman komunis.<sup>144</sup> Satu senarai barang-barang kawalan, dari beras dan ikan kering kepada kertas dan bahan-bahan pencetak digariskan pada Jun 1951.<sup>145</sup>

Keganasan komunis mencapai kemuncak dengan pembunuhan Henry Gurney pada 6 Oktober 1951 semasa beliau dalam perjalanan ke Bukit Fraser.<sup>146</sup> Kematian Henry Gurney itu membuktikan kesungguhan PKM untuk menghapuskan orang British dan menguasai Tanah Melayu. Ia juga menunjukkan kelemahan pentadbiran dan pertahanan British yang mana kerajaan masih gagal dalam mengatasi keganasan komunis, meskipun sudah tiga tahun darurat diisyiharkan dan berbagai tindakan diambil. Tanah Melayu mendapat seorang Pesuruhjaya Tinggi baru, Jeneral Templer,<sup>147</sup> pada Februari 1952. Templer menyifatkan pertempuran dengan komunis di Tanah Melayu sebagai *an Intelligence War*. Beliau berpendapat bahawa perang itu tidak boleh dimenangi dengan menggunakan tentera dan senjata sahaja, sebaliknya perlu ada sokongan dan penyertaan setiap penduduk bersama-sama dengan pihak kerajaan.<sup>148</sup> Dengan itu, Templer memulakan tugas untuk memenangi hati dan fikiran penduduk Tanah Melayu. Beliau membuat lawatan ke sekolah, kampung, hospital, menerima perwakilan, sementara isterinya bekerja selama 18 jam sehari memulakan institusi wanita, cawangan baru Palang Merah dan pusat komuniti. Dengan itu, buat pertama kalinya wanita Asia dapat melibatkan diri dalam urusan secara berkumpulan. Selain itu, Cawangan Khas diberi penekanan oleh Jeneral Templer dalam usaha perisikan.<sup>149</sup> Beliau melantik John Morton, seorang yang berpengalaman dalam bidang risikan untuk mengendalikan aktiviti perisikan di Tanah Melayu.<sup>150</sup> Templer juga sedar bahawa sekiranya orang Cina tidak diberi sesuatu hak dalam negara ini, tugas melawan komunis akan lebih sukar. Oleh itu, beliau memperluaskan kanun kewarganegaraan untuk meliputi kaum bukan Melayu.<sup>151</sup> Selaras dengan itu, bermula pada tengah malam 14 September 1952, seramai kira-kira 1,200,000 orang Cina, iaitu lebih kurang 60% daripada orang Cina di Tanah Melayu dan 180,000 atau 30% daripada orang India layak menjadi warganegara Tanah Melayu.<sup>152</sup> Dengan pemberian kewarganegaraan yang liberal itu, PKM telah kehilangan sebahagian

besar penyokongnya. Ini kerana orang Cina mula mengalihkan minat terhadap perkembangan di Tanah Melayu. Begitu juga, kerajaan British mengadakan pilihanraya pertama pada peringkat Bandaran Pulau Pinang (1951) dan kemudian Kuala Lumpur (1952) untuk menggalakkan penyertaan orang bukan Melayu dalam politik negara.

Templer seterusnya mengalihkan perhatian kepada satu masalah yang telah lama menjadi halangan kepada pasukan keselamatan dalam usaha membanteras komunis, iaitu mencegah Orang Asli daripada eksplorasi pengganas komunis, terutamanya selepas pemindahan setinggan Cina ke kampung baru pada hujung tahun 1952.<sup>153</sup> Dianggarkan terdapat 50,000 hingga 60,000 Orang Asli yang berada dalam kawasan hutan di Tanah Melayu dan kira-kira 30,000 daripada mereka berhubung dengan pengganas komunis.<sup>154</sup> Kerajaan cuba membawa mereka keluar dari hutan untuk ditempatkan semula, tetapi usaha itu gagal kerana Orang Asli tidak dapat menyesuaikan diri dan ramai yang mati terkena penyakit seperti campak dan malaria. Di samping itu, usaha tersebut juga menyebabkan kerajaan kehilangan sumber maklumat yang penting tentang pergerakan komunis. Dengan itu, kerajaan bertindak mendirikan kubu berdekatan dengan kawasan Orang Asli dalam hutan (*jungle fort*),<sup>155</sup> bukan sahaja melindungi mereka daripada diugut oleh komunis, tetapi juga sebagai kubu mendapatkan maklumat risikan tentang pengganas komunis. *Jungle fort* itu juga menyediakan kemudahan pendidikan, menjalankan perniagaan, bantuan perubatan dan keperluan lain.<sup>156</sup> Kemudahan ini merupakan faktor penting dalam meletakkan pengaruh kerajaan ke atas Orang Asli. Kesemuanya terdapat 14 *jungle forts* yang didirikan di Tanah Melayu dalam tempoh darurat.<sup>157</sup> Penempatan semula dan *jungle fort* telah mengubah corak hidup serta budaya Orang Asli.

Jeneral Templer juga mewujudkan konsep Kawasan Putih dan Kawasan Hitam<sup>158</sup> untuk memikat hati penduduk supaya memberi kerjasama dan maklumat kepada pasukan keselamatan. Dengan cara ini, penduduk akan berusaha menjadikan kawasan masing-

masing bersih dari pengaruh komunis dan seterusnya bebas daripada sekatan darurat. Buat pertama kalinya, pada 3 September 1953, kawasan seluas kira-kira 572.39 kilometer persegi (221 batu persegi) di Melaka diisytiharkan sebagai Kawasan Putih dan 160,000 penduduk bebas daripada pengaruh komunis.<sup>159</sup> Ini adalah tanda bahawa komunis semakin lemah dan kemenangan di pihak kerajaan semakin terserlah. Dalam masa dua tahun (1952-54) perkhidmatan Jeneral Templer di Tanah Melayu, dua pertiga daripada pengganas komunis telah dihapuskan. Jeneral Templer meninggalkan Tanah Melayu pada pertengahan 1954. Donald MacGillivray<sup>160</sup> dilantik sebagai Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu dan Lestenan General Geoffrey Bourne<sup>161</sup> menjadi Pengarah Gerakan Darurat di Tanah Melayu.

Pada tahun 1955, suasana politik di Tanah Melayu telah berubah. Persediaan dibuat untuk menghadapi pilihanraya 1955. Perubahan politik ke arah kemerdekaan dan berkerajaan sendiri yang melanda Tanah Melayu turut mempengaruhi tindakan PKM. PKM menyedari bahawa kemerdekaan Tanah Melayu akan menyebabkannya hilang arah dalam memberi alasan tentang perjuangan bersenjata yang sedang dilancarkan.<sup>162</sup> Oleh itu, sebulan sebelum pilihanraya, Chen Ping menghantar surat untuk menawarkan rundingan damai dengan kerajaan, tetapi ditolak.<sup>163</sup> Pilihanraya diadakan pada 27 Julai 1955 dan berakhir dengan kemenangan Parti Perikatan.<sup>164</sup> Dengan itu, Tunku Abdul Rahman,<sup>165</sup> pemimpin Perikatan menjadi Ketua Menteri Tanah Melayu yang pertama. Pada 9 September 1955, Tunku mengisytiharkan tawaran pengampunan yang akhir menentukan masa depan pengganas komunis.<sup>166</sup> Berikutnya, sebanyak 12 juta para pengampunan diedarkan di seluruh Persekutuan Tanah Melayu, menyeru pengganas komunis agar menerima tawaran pengampunan.<sup>167</sup> Hasil daripada kempen yang berjalan selama lima bulan sehingga 8 Februari 1956, seramai 73 orang pengganas komunis dan 12 orang penyokong menyerah diri kepada kerajaan.<sup>168</sup>

Tiga minggu selepas tawaran pengampunan, Chen Ping sekali lagi menghantar surat menyatakan kesediaannya untuk membincangkan penyelesaian politik dengan pihak kerajaan.<sup>169</sup> Ekoran daripada itu, Rundingan Baling diadakan di antara pihak komunis dan kerajaan Tanah Melayu bertujuan untuk menamatkan darurat. Mereka mengadakan perjumpaan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tunku Putera, Baling, Kedah, pada 28-29 Disember 1955.<sup>170</sup> Walau bagaimanapun, rundingan tersebut menemui jalan buntu kerana kedua-dua pihak enggan bertolak ansur. Komunis enggan menyerah diri serta membubarkan PKM. Sementara itu, pihak Tunku enggan mengiktiraf PKM sebagai parti politik yang sah. Ini kerana Tunku sedar bahawa ia adalah taktik PKM untuk menegakkan kekuasaan dan pengaruh di Tanah Melayu.<sup>171</sup> Setelah gagal dalam rundingan pertama, PKM sekali lagi mengajak kerajaan berunding, sebaik selepas negara mencapai kemerdekaan,<sup>172</sup> tetapi kerajaan telah mengetahui niat tersembunyi PKM dan tidak melayani permintaan PKM. Pihak kerajaan sedar bahawa tujuan PKM ialah kembali ke arena politik Tanah Melayu dan melanjutkan semula perjuangan bagi membentuk sebuah republik komunis.<sup>173</sup>

Pada 31 Ogos 1957, peringkat akhir usaha menentang komunis bermula berikutan dengan Tanah Melayu menjadi negara merdeka yang berdaulat.<sup>174</sup> Pada 2 September 1957, Tuanku Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Mohamad, Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu yang pertama selaku ketua negara;<sup>175</sup> Tunku Abdul Rahman, pemimpin Parti Perikatan, menjadi Perdana Menteri; dengan Tun Abdul Razak,<sup>176</sup> Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Pertahanan. Tiga hari selepas kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman mencatatkan tarikh bersejarah dengan satu penawaran pengampunan baru, iaitu Tawaran Pengampunan Merdeka<sup>177</sup> kepada komunis yang berkuatkuasa selama lapan bulan.<sup>178</sup> Sepanjang tempoh tawaran tersebut, 319 orang penggasas menyerah diri, termasuklah

pemimpin No.2 PKM, Hor Lung yang menyerah diri di Segamat, Johor, pada 5 April 1958.<sup>179</sup> Pada akhir tahun 1958, hanya terdapat 250 pengganas komunis yang bergiat di Tanah Melayu. Ini menunjukkan PKM benar-benar lemah dan tidak lagi menjadi ancaman keselamatan negara. Pada 19 April 1960, Yang Di-Pertuan Agong mengisyiharkan darurat tamat dalam majlis pembukaan persidangan Parlimen dan ia berkuatkuasa mulai 31 Julai 1960.<sup>180</sup> Dengan itu, berakhirlah darurat yang berlangsung selama 12 tahun 45 hari di Tanah Melayu. Namun begitu, kegiatan komunis masih berterusan, terutamanya di kawasan sempadan Tanah Melayu dan Thailand.

<sup>1</sup> Dalam konteks penulisan ini, Tanah Melayu dirujuk kepada Semenanjung Tanah Melayu. Ia melingungi kawasan seluas 131,869 34 kilometer persegi (50,915 batu persegi). Tanah Melayu membentuk sebahagian daripada Semenanjung Kra, letaknya antara Garis Lintang 1° dan 105° timur; disempadani oleh Thailand di utara, di sebelah barat, letaknya Selat Melaka dan Indonesia, ke arah selatan pula ialah Singapura dan Kepulauan Indonesia, manakala Laut China Selatan di sebelah timur.

<sup>2</sup> Walaupun setakat ini, beliau dikenali dengan nama Chin Peng dalam hampir kesemua sumber yang ada tetapi sebenarnya Chen Ping lebih tepat dengan nama Cina beliau. Oleh itu, dalam konteks penulisan ini, nama Chen Ping digunakan. Nama sebenar beliau ialah Wong Man-wu atau juga dikenali sebagai Ong Boon Hwa/Hua. Beliau dilahirkan pada tahun 1922 di Sitiawan, Perak. Beliau adalah berketurunan Hakka. Chen Ping mendapat pendidikan awal di Sekolah Tinggi Nam Hua di Sitiawan sebelum melanjutkan pelajaran ke sekolah Inggeris. Beliau berkemampuan menguasai enam bahasa, termasuk bahasa Inggeris. Pada tahun 1940, semasa berusia 18 tahun, beliau diterima menjadi ahli Parti Komunis Malaya (PKM) dan memulakan hidup barunya di bawah sayap komunis. Semasa Perang Dunia Kedua meletus, Chen Ping masih berada di Sitiawan dan dilantik menjadi ahli jawatankuasa Parti Komunis cawangan Perak dan kemudiannya setiausaha Parti Komunis cawangan Perak. Bila Jepun kalah dan British kembali ke Tanah Melayu, Chen Ping memasuki hutan meneruskan perjuangannya. Pada tahun 1945 dan 1946, beliau melakukan beberapa lawatan ke kawasan komunis di China, dan kemudian menyunting organ PKM, *The Democrat*. Pada tahun 1948, beliau dipilih sebagai Setiausaha Agung PKM, menggantikan tempat Lai Teck. Pada tahun 1955, bila kekuatan komunis di bawah pimpinannya semakin lemah, beliau cuba mengadakan rundingan dengan kerajaan. Beliau muncul dalam rundingan Baling pada 28 dan 29 Disember 1955 dengan pihak kerajaan dipimpin oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Rundingan itu gagal mencapai sebarang persetujuan. Beliau kemudiannya berhijrah ke Republik Rakyat China bersama isterinya pada pertengahan tahun 1961 selepas pemberontakan bersenjata PKM di Tanah Melayu gagal. Maklumat lanjut tentang Chen Ping, sila rujuk *The China Press*, 8 September 1951, hlm. 3; *The Straits Times*, 2 December 1989, hlm. 1 dan 8; *Sing Pin Jih Pao*, 21 October 1955, hlm. 6; 29 December 1955, hlm. 7; *Chung Shing Jit Pao*, 30 September 1955, hlm. 5. Lihat juga Amarjit Kaur, *Historical Dictionary of Malaysia*, Asian Historical Dictionaries No. 13, Metuchen, N.J. & London: The Scarecrow Press Inc., 1993, hlm. 45-46; Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle In Malaya*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1971, hlm. 227-228; Wahba, *Baling: Membuka Jalan Damai*, Selangor: Massa Enterprise, 1994, hlm. 214-215; Ban Kah Choon and Yap Hong Kuan, *Rehearsal For War: Resistance and The Underground War Against The Japanese and The Kempeitai 1942-1945*, Singapore: Horizon Books, 2002, hlm. 97-100; Leonard C. Sebastian, "Ending an Armed Struggle Without Surrender: The Demise of The Communist Party of Malaya (1979-89) and The Aftermath", *Contemporary Southeast Asia*, Vol. 13, No. 3, December 1991, hlm. 293; Noel Barber, *The War of The Running Dogs*, London: Collins, 1971, hlm. 29; Harry Miller, *Menace In Malaya*, London: George G. Harrap & Co. Ltd., 1954, hlm. 45-46; Edgar O'Ballance, *Malaya: The Communist Insurgent War, 1948-60*, London: Faber and Faber, 1960, hlm. 74; Ramli bin Haji Ahmad,

"Perjumpaan Baling 1955", dalam Khoo Kay Kim dan Adnan Haji Nawang (penyunting), *Darurat 1948-1960*, Kuala Lumpur: Muzium Angkatan Tentera, 1984, hlm. 203. Rujuk juga "Darurat Diisytiharkan", dalam *Hari Ini Dalam Sejarah*, Jilid II, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 1981, hlm. 315; SP. 13/D/65, Majalah "Young Malayans", Vol. 12, No. 205, 25 January 1956, hlm. 43; Harry Miller, *Prince and Premier, A Biography of Tunku Abdul Rahman Putra*, Petaling Jaya: Eastern Universities Press (M) Sdn. Bhd., 1982, hlm. 95 dan 203; R. Thambipillay (ed.), *God's Little Acre, Batu Gajah (A Commemorative Book on The 50<sup>th</sup> Anniversary of The Malayan Emergency 1948-1960)*, Ipoh: A Perak Planters' Association Publication, 1998, hlm. 24. Lihat juga wawacara pihak *Nanyang Siang Pau* dan *Kin Kwok Daily News* dengan bapa Chen Ping, *Nanyang Siang Pau*, 7 October 1955, hlm. 9; *Kin Kwok Daily News*, 7 October 1955, hlm. 4.

<sup>3</sup> Suasana politik sekitar turut mempengaruhi kebangkitan komunis buat kali kedua atau darurat II (1968-1978). Perkembangan politik semasa yang memperlihatkan dasar agresif dan konfrontasi Indonesia yang dipercayai didorong oleh Parti Komunis Indonesia (PKI) telah memberi peluang kepada PKM menghantar kadernya untuk mendapat latihan di Indonesia. Perkembangan di Indochina turut mempengaruhi kebangkitan semula PKM. Kejayaan pihak Vietkong menentang kerajaan yang disokong oleh Amerika Syarikat membangkitkan semangat baru dan PKM mengumumkan pemberontakan bersenjata pada Jun 1968. Ekoran dari itu, kerajaan Tanah Melayu telah mengeluarkan kertas putih yang berjudul "Untuk Mencapai Kuasa Penuh Melalui Kekerasan" pada November 1968 sebagai ingatan kepada penduduk tentang niat komunis. Pada tahun 1969 pula, Parti Komunis Kalimantan Utara (PKKU) turut mengikuti langkah pemberontakan bersenjata PKM. Tragedi 13 Mei 1969 di Tanah Melayu memberikan PKM kesempatan untuk mengutuk kerajaan dan menarik perhatian penduduk Tanah Melayu menyokong mereka. Kader baru diperolehi dan ada yang dilatih di selatan Thailand. Kerja-kerja subversif dilakukan oleh pertubuhan bawah tanah seperti Barisan Pembebasan Nasional Malaya (BPNM) dan Liga Pembebasan Rakyat Malaya (*Malayan National Liberation League/MNLL*). Kegiatan subversif oleh pertubuhan bawah tanah telah mendarangkan banyak masalah dan kekacauan. Melalui unit-unit bergeraknya, mereka melakukan keganasan dan pembunuhan Pegawai polis dan tentera adalah sasaran utama mereka. Timbalan Penguasa Polis, Wong Lim Hoon dibunuh di Kuala Lumpur pada 18 Januari 1973. Pada pagi 4 Jun 1974, Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahman bin Hashim ditembak mati di Kuala Lumpur. Pada 26 Ogos 1975, Tugu Negara dibom dan kem Pasukan Polis Hutan (PPH) di Jalan Pekeling turut menjadi sasaran serangan komunis. Pada 13 November 1975, Ketua Polis Kontinjen Perak, Datuk Khoo Chong Kong ditembak mati oleh pengganas komunis. *Utusan Malaysia*, 27 Ogos 1975, hlm. 1; 5 Jun 1974, hlm. 1; *The Straits Times*, 31 December 1976, hlm. 10. Untuk maklumat di atas, rujuk juga "Komunis", dalam Koleksi Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor/Melaka; Zulzila Dzukenli, "Pertentangan dan Perdamaian Komunis di Malaysia", *Dewan Siswa*, Februari 1999, hlm. 10 dan 12; Richard Sim, *Malaysia: Containing The Communist Insurgency*, London: Institute For The Study of Conflict, August 1979, hlm. 9; Colin Nicholas, *The Orang Asli and The Contest For Resources: Indigenous Politics, Development and Identity in Peninsular Malaysia*, Copenhagen: International Work Group For Indigenous Affairs, 2000, hlm. 103.

<sup>4</sup> *The Straits Times*, 1 December 1989, hlm. 3. Lihat juga *Utusan Malaysia*, 6 Disember 1989, hlm. 1; SP. 127/A/3, The Hadyai Peace Agreement and The Future Intentions of The Communist Party of Malaya; Richard Stubbs, "Malaysian Defence Policy: Strategy versus Structure", *Contemporary Southeast Asia*, Vol. 13, No. 1, June 1991, hlm. 46; Leonard C. Sebastian, "Ending an Armed Struggle Without Surrender: The Demise of The Communist Party of Malaya (1979-89) and The Aftermath", hlm. 271-272. Rujuk juga C.C. Too, "Perjanjian Damai Haadyai: Hanya Jerangkap Samar PKM?", dalam *Dewan Masyarakat*, Jilid 29, Bil. 9, September 1991, hlm. 29. Pada 2 Disember 1989, PKM menandatangani Perjanjian Damai dan meletak senjata. Perjanjian itu diadakan di Haadyai, Thailand. Perwakilan Malaysia terdiri daripada Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Wan Sidek Wan Abdul Rahman; Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Mohamad Hashim Mohd Ali dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Haniff Omar. PKM pula diwakili oleh Setiausaha Agungnya, Chen Ping; Pengurusnya, Abdullah C.D. dan Komander Rejimen ke-10 PKM, Rashid Maidin, selaku anggota Majlis Pusat PKM. Turut hadir ialah Ah Sek @ Ah Sze, Chan Ying dan Suriani Abdullah. Pihak Thailand diwakili oleh Timbalan Pengarah Operasi Keselamatan Dalam Negeri, Jeneral Tan Sri Chavalit Yong-chaiyudh; Pengarah Operasi Keselamatan Dalam Negeri Wilayah Empat, Leftenan Jeneral Yoothana Yampundhu; Ketua Pengarah Jabatan Polis Diraja Thailand, Jeneral Polis Sawaeng Therasawat dan Setiausaha Tetap Kementerian Dalam Negeri, Anek Sithip Rasasana. Perjanjian bersejarah itu turut disaksikan oleh 120 orang pegawai dari Malaysia dan Thailand serta kira-kira 400 orang wartawan yang mewakili media tempatan dan antarabangsa. *Utusan Malaysia*, 24 Disember 1989, hlm. 26; *The Straits Times*, 2 December 1989, hlm. 1; 3 December 1989, hlm. 1-3. Rujuk juga Wahba, *Baling: Membuka Jalan Damai*, hlm. 196; T.N. Harper, *The End of Empire*

---

*and The Making of Malaya*, Cambridge: Cambridge University Press, 1999, hlm. 150; Zulzila Dzukenli, "Pertentangan dan Perdamaian Komunis di Malaysia", hlm. 13; Said Zahari, *Meniti Lautan Gelora-Sebuah Memoir Politik*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2001, hlm. 305-310; A. Navaratnam, *The Spear and The Kerambit: The Exploits of VAT 69, Malaysia's Elite Fighting Force 1968-1989*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2001, hlm. 190; Amarjit Kaur, *Historical Dictionary of Malaysia*, hlm. 12. Dalam perjanjian itu, PKM telah bersetuju untuk menamatkan perjuangan bersenjata mereka yang telah berlangsung selama 41 tahun. Sebanyak 1,200 penganas komunis meletakkan senjata dan keluar dari hutan, tempat persembunyian mereka di sempadan Malaysia-Thailand. Perjanjian itu telah dapat menamatkan ancaman keganasan komunis. Selain itu, perjanjian tersebut dapat menjamin keselamatan dan kestabilan bagi kedua-dua negara, Malaysia dan Thailand. Abdullah C.D. atau Abdullah Sidek dan nama sebenar ialah Che Dat bin Anjang Abdullah. Beliau dilahirkan di Kampung Labor Kanan, Parit di Perak. Salah seorang ahli pengasas Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Beliau menyertai gerakan bawah tanah pada tahun 1948. Beliau adalah ahli Jawatankuasa Pusat PKM sehingga menjadi Pengurus PKM pada Ogos 1988. Beliau adalah Komander Rejimen ke-10 yang berpusat berdekatan sempadan Thai. Beliau menyertai *Malayan People's Anti-Japanese Army* (MPAJA) semasa pendudukan Jepun dan bertanggungjawab terhadap bahagian propaganda Melayu di ibu pejabat negeri Perak. Maklumat lanjut tentang Abdullah C.D., lihat *The Straits Times*, 2 December 1989, hlm. 8.

<sup>5</sup> *The Straits Times*, 3 December 1989, hlm. 3. Dalam sidang akhbar selepas Perjanjian Damai, Chen Ping membuat pengumuman bahawa PKM masih wujud dan beliau sendiri masih seorang Marxist-Leninist. Secara tersirat, Chen Ping menegaskan beliau dan partinya akan meneruskan objektif perjuangan komunis. SP. 127/A/3, The Hadyai Peace Agreement and The Future Intentions of The Communist Party of Malaya.

<sup>6</sup> KMT ditubuhkan di China pada 13 Ogos 1912 dan adalah kesan langsung daripada Revolusi 1911 yang bertujuan untuk menggulingkan Dinasti Manchu. Selepas itu Lu Tien Min dan Ch'iu Chi Hsien dihantar untuk menyusun cawangan KMT di Tanah Melayu. Tidak lama kemudian, Lu dan Ch'iu tiba di Tanah Melayu, KMT cawangan Singapura ditubuhkan. Cawangan pertama didaftarkan di Singapura di bawah Ordinan Pertubuhan pada 18 Disember 1912 yang dikenali sebagai *Singapore Communication Lodge of The Kuomintang of Peking*. Pendaftaran cawangan ini diizinkan oleh kerajaan bukan sahaja kerana kegiatan KMT di Tanah Melayu pada masa itu tidak anti-kerajaan, tetapi juga kerana pihak berkuasa sedar bahawa dengan mendaftarkan organisasi itu maka mereka akan mendapat maklumat yang lebih baik tentang kegiatannya. Tetapi cawangan itu ditutup pada tahun 1914 disebabkan oleh kesulitan tertentu. Bagaimanapun, ini tidak bermakna berakhirnya parti KMT di Negeri-Negeri Selat kerana ia terus beroperasi secara rahsia di Singapura dan Pulau Pinang. Beberapa cawangan juga didaftarkan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Sebuah cawangan *lodge* didaftarkan di Melaka pada 25 Julai 1913. Permohonan KMT cawangan Pulau Pinang dilakukan pada tahun 1913 yang kemudian ditubuhkan secara sulit di bawah nama *Teong Wah & Company*. Majoriti cawangan dijumpai di Perak, contohnya, di Kopisan, Kuala Dipang, Papan, Lahat, Siputeh, Tronoh dan Pusing. *Kwok Man Tong* cawangan Selangor didaftarkan pada 1 November 1913 dan cawangan Seremban, Negeri Sembilan pada 15 Julai 1913. Terdapat juga cawangan yang tidak didaftarkan di Klang, Selangor pada tahun 1913. Hanya pada Mac 1925, KMT diisyiharkan haram oleh kerajaan British kerana menganjurkan kegiatan subversif di Tanah Melayu dan kerajaan British menjumpai risalah yang disebarluaskan oleh KMT mengandungi propaganda anti-British. Keputusan mengharamkan cawangan KMT di Tanah Melayu adalah berkaitan dengan persidangan yang diadakan pada Februari 1925 di Pejabat Kolonial yang dihadiri oleh wakil dari Pejabat Luar, Pejabat Perang, Pejabat Kolonial dan dua wakil Urusetia Hal-Ehwal Orang Cina. Persidangan itu diadakan setelah Gabenor Negeri-Negeri Selat dan Pesuruhjaya Tinggi Negeri-Negeri Melayu memperakukan bahawa aktiviti cawangan KMT menimbulkan ancaman kepada kerajaan. Akibatnya, semua cawangan KMT diarahkan ditutup sebelum 26 Oktober 1925. Lihat *Monthly Review of Chinese Affairs*, August 1934, hlm. 31, dalam C.O. 273/597/33046/Part III, *Review of Chinese Affairs*. Lihat juga John Gullick and Bruce Gale, *Malaysia: Its Political and Economic Development*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1986, hlm. 62; J.H. Brimell, *Communism In South East Asia: A Political Analysis*, London: Oxford University Press, 1959, hlm. 90-91; S.H. Alattas, *Bahera Lama Nakhoda Baru*, Johor Bahru: Al Nujum Enterprise, Jun 1979, hlm. 137; Wong Yoke Nyen, 'The Role of Chinese Organizations In Malayan Politics (1945-57): Special Reference To Citizenship and Education', Department of Chinese Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, 1980/81, hlm. 63. Terdapat sumber yang menyatakan KMT dibubarkan pada tahun 1929 oleh Gabenor Cecil Clementi seperti dalam Keith Watson, "The Problem of Chinese Education in Malaysia and Singapore", *Journal of Asian and African Studies*, Vol. 8, No. 1-2, Jan-Apr 1973, hlm. 83. Begitu juga, terdapat sumber yang mengatakan KMT diisyiharkan haram berikutan dengan pindaan Ordinan Pertubuhan

pada 1931 oleh Gabenor Cecil Clementi. Lihat SCA. 0106/50, Memorandum To Executive Council, Policy Towards The K.M.T., dalam C.O. 1022/198/SEA112/220/01, The Activities of The Kuomintang Party In The Federation of Malaya and Singapore, hlm. 10. Rujuk juga C. Mary Turnbull, *A Short History of Malaysia, Singapore and Brunei*, Singapore: Graham Brash (Pte.) Ltd., 1981, hlm. 208; David McIntyre, "Political History 1896-1946", dalam Wang Gungwu (ed.), *Malaysia: A Survey*, London and Dunmow: Pall Mall Press, 1964, hlm. 144. Namun demikian, idea pelampau parti itu terus disebarluaskan oleh golongan kiri yang kebanyakannya komunis. Kuomintang and Communism In Malaya, dalam C.O. 717/210/52849/1/1948, Law and Order, Malayan Union, hlm. 210. Lihat juga Jagjit Singh Sidhu, "Sir Cecil Clementi and The Kuomintang in Malaya", *Malaya in History*, The Magazine of The Malaysian Historical Society, Vol. 9, Nos. 1 & 2, 1965, hlm. 18-19; K.J. Ratnam, *Communalism and The Political Process in Malaya*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1965, hlm. 12; Wan Hashim, *Race Relations in Malaysia*, Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd., 1983, hlm. 29-30; P'ng Poh-seng, "The Kuomintang In Malaya", dalam K.G. Tregonning (ed.), *Papers on Malayan History*, Singapore: Journal South-East Asian History, 1962, hlm. 214-221; Gordon P. Menas, *Malaysian Politics*, London: University of London Press Ltd., 1970, hlm. 29 dan 68; Heng Pek Koon, *Chinese Politics in Malaysia: A History of The Malaysian Chinese Association*, Singapore: Oxford University Press, 1988, hlm. 20-21; Rajeswary Ampalavanar, *The Indian Minority and Political Change In Malaya 1945-1957*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1981, hlm. 9; Khoo Kay Kim, 'The Beginnings of Political Extremism in Malaya, 1915-1935', Ph.D. Thesis, Department of History, University of Malaya, Kuala Lumpur, 1973, hlm. 130-135. Penubuhan KMT di Tanah Melayu seawal tahun 1912 juga dinyatakan dalam Hara Fujio, *Malayan Chinese and China: Conversion in Identity Consciousness, 1945-1957*, Tokyo: Institute of Developing Economies, 1997, hlm. 12. Untuk cawangan KMT di Singapura, lihat Monthly Review of Chinese Affairs, March 1934, hlm. 5-7, dalam C.O. 273/596/33046/Part 1, Review of Chinese Affairs. Rujuk juga Victor Purcell, *The Chinese In Malaya*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967, hlm. 210-214; Victor Purcell, *The Chinese In Southeast Asia*, London: Oxford University Press, 1966, hlm. 294-295 dan 297. Cawangan KMT di Johor, lihat Monthly Review of Chinese Affairs, March 1934, hlm. 7-9, dalam C.O. 273/596/33046/Part 1, Review of Chinese Affairs. Bagi cawangan KMT di Selangor dan Pulau Pinang, rujuk Monthly Review of Chinese Affairs, March 1934, hlm. 10, dalam C.O. 273/596/33046/Part 1, Review of Chinese Affairs. Manakala untuk cawangan KMT di Negeri Sembilan, lihat Monthly Review of Chinese Affairs, March 1934, hlm. 9-10, dalam C.O. 273/596/33046/Part 1, Review of Chinese Affairs. Untuk cawangan KMT di Kedah pula, lihat Monthly Review of Chinese Affairs, March 1934, hlm. 10-11, dalam C.O. 273/596/33046/Part 1, Review of Chinese Affairs. Kemasukan pengaruh komunis di Tanah Melayu melalui KMT pada awal 1920-an ada dinyatakan dalam *The Straits Times*, 3 July 1953, hlm. 6; Federation of Malaya Political Report No. 11 For September, 1949, hlm. 6, dalam C.O. 825/74/3/55404/3, Monthly Political Reports From Federation of Malaya. Rujuk juga N.J. Ryan, *The Making of Modern Malaysia and Singapore*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1969, hlm. 208-209 dan 234.

<sup>7</sup> *The Straits Times*, 2 December 1989, hlm. 8. Pada Mac 1919, *Third Communist International* di bawah arahan Soviet Union meletakkan matlamat masa depan untuk menegakkan komunisme di seluruh dunia, dan kalau perlu melalui pemberontakan bersenjata. Dua tahun kemudian, sebuah parti komunis telah dibentuk di China yang menjadi negara boneka yang terbesar dan paling berkuasa bagi Rusia. Pada tahun 1949, 28 tahun kemudian, Parti Komunis China (PKC) telah mencapai matlamat dasarnya. Ia telah berjaya menujuhan republik komunis dan menguasai 400,000,000 penduduk China. Komunisme di Tanah Melayu dan China adalah di bawah arahan Comintern yang berpusat di Bolshevik Rusia. Matlamat asasnya ialah untuk memulakan revolusi pekerja dan menujuhan sebuah Republik Sosialis Soviet di China dan Tanah Melayu yang akhirnya untuk menukarkan seluruh Asia kepada komunisme. Mereka telah mencapai kejayaan di China pada tahun 1949. Lihat Wan Hashim, *Race Relations in Malaysia*, hlm. 31; Gwee Hock Aun, *The Emergency In Malaya*, Pulau Pinang: Sinaran, 1966, hlm. 1; Harry Miller, *Menace In Malaya*, hlm. 19.

<sup>8</sup> Khoo Kay Kim, "Komunis di Tanah Melayu: Peringkat Awal", *Jurnal Sejarah Universiti Malaya*, Jilid X, 1971/72, hlm. 89; Khoo Kay Kim, "Gerakan Komunis di Tanah Melayu sehingga Tertubuhnya PKM", dalam Khoo Kay Kim dan Adnan Haji Nawang (penyunting), *Darurat 1948-60*, Kuala Lumpur: Muzium Angkatan Tentera Malaysia, 1948, hlm. 17; Khoo Kay Kim, 'The Beginnings of Political Extremism in Malaya, 1915-1935', hlm. 197. Sementara itu, *The China Press*, 21 April 1951, hlm. 5, menyatakan fahaman komunis telah wujud di Tanah Melayu pada tahun 1926.

<sup>9</sup> Antaranya ialah surat berita terbitan *Rosta & Delta News Agency* yang mengandungi berita dari Negara China dan Rusia yang dikirim dari Canton; surat berita yang diberi nama *Buruh dan Wanita* diterbitkan di Canton; risalah tentang kaedah mengajar ideologi komunis di Rusia dan Negara China serta

---

manifesto Parti Komunis Amerika; sebuah buku yang bertajuk *Komunis dan Negara China*, karya Tsz-Yan yang merupakan suara orang Cina di seberang laut dan risalah komunis bernama *Parintis (Pioneer)* yang dikeluarkan oleh Parti Bolsheviks pada tahun 1922. Khoo Kay Kim, "Gerakan Komunis di Tanah Melayu sehingga Tertubuhnya PKM", hlm. 17; Khoo Kay Kim, 'The Beginnings of Political Extremism in Malaya, 1915-1935', hlm. 197. Lihat juga Mohd. Reduan Haji Asli, *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hlm. 5-6. Di samping itu, terdapat juga bahan penerbitan berunsur komunis lain di Tanah Melayu pada tahun 1934. Antaranya, akhbar *Red Star Weekly, Red Star Supplement, Charcoal Struggle, Youths' War Front Weekly, Red Flag, The Economic Policy of New China, The Economics Monthly, The War Banner Press, Our Leader and Teacher, The World Economic Crisis* dan *The Chemical War*. Keterangan lanjut tentang bahan penerbitan itu, lihat Monthly Review of Chinese Affairs, February 1934, hlm. 44-45, dalam C.O. 273/596/33046/Part 1, Review of Chinese Affairs; Monthly Review of Chinese Affairs, July 1934, hlm. 62, dalam C.O. 273/597/33046/Part III, Review of Chinese Affairs. Rujuk juga Khoo Kay Kim, 'The Beginnings of Political Extremism in Malaya, 1915-1935', hlm. 257.

<sup>10</sup> Ruth T. McVey, *The Rise of Indonesian Communism*, Ithaca: Cornell University Press, 1965, hlm. 155-192; Cheah Boon Kheng, *From PKI To The Comintern, 1924-1941: The Apprenticeship of The Malayan Communist Party*, Ithaca: Cornell University, 1992, hlm. 49-51. Antaranya, Tan Malaka dan Hasanoesi ke Pulau Pinang. Boedisoejitro dan Sutan Perpateh juga kemudian ke Pulau Pinang pada bulan Mei 1926, dan berjaya menubuhkan sebuah kelab di Seberang Prai. Percubaan menubuhkan kelab juga dibuat oleh Boedisoejitro di kawasan Kallang, Singapura. Tidak pula diketahui sejauhmana kejayaan kelab tersebut mempengaruhi orang Melayu. Sutan Perpateh juga melawat Perak Utara dan Kedah dalam usaha menyebarkan komunisme dan mengutip derma dari kalangan orang Melayu dan Jawa. Mohd. Isa Othman, *Gerakan Protes Dalam Perspektif Sejarah Malaysia Pada Abad ke-19 dan Awal Abad ke-20*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 1999, hlm. 217. Berkenaan percubaan ejen komunis Indonesia menyebarkan ideologi komunis di Tanah Melayu, lihat juga Mahmud Embong, "Komunisme dan Orang Melayu, 1924-1949", dalam Kobkua Suwannathat-Pian, Rohany Nasir, Mohammad Agus Yusoff (penyunting), *Dua Dekad Penyelidikan: Sejarah-Bahasa dan Kebudayaan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1992, hlm. 21-25; Mahmud Embong, "Penglibatan Orang Melayu Dalam Pergerakan Komunis Peringkat Awal di Tanah Melayu, 1924-1938", *Purba*, Bil. 11, 1992, hlm. 83-87; Ramlan Hamzah, "Parti Komunis Malaya: Penubuhan, Peranan dan Implikasinya", *Jebat*, Bil. 3/4, KDN 9746, 1973/4/1975/5, hlm. 57-58; Yong C.F., *The Origins of Malayan Communism*, Singapore: South Seas Society, 1997, hlm. 79-80.

<sup>11</sup> Namun demikian, tidak dapat dinafikan terdapat juga orang Melayu yang terlibat dalam pergerakan komunis di Tanah Melayu dengan kemunculan nama-nama Musa Ahmad, Shamsiah Fakieh, Rashid Maidin dan Abdullah C.D. Gwee Hock Aun, *Emergency in Malaya*, hlm. 1; Wahba, *Baling: Membuka Jalan Damai*, hlm. 13-14; Harry Miller, *Menace In Malaya*, hlm. 19-20. Rujuk juga Mahmud bin Embong, "Penglibatan Orang Melayu Dalam Pergerakan Komunis Peringkat Awal di Tanah Melayu, 1924-1938", hlm. 81-85; Cheah Boon Kheng, *Komrad Bertopeng: Suatu Kajian Mengenai Barisan Bersatu Komunis Di Tanah Melayu 1945-48* (terjemahan Hj. Zubir Ismail), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982, hlm. 70; Wan Hashim, *Race Relations in Malaysia*, hlm. 32-33. Begitu juga, Rejimen ke-10 yang dibentuk di kawasan Temerloh, Pahang, pada September 1949, kesemua anggotanya adalah orang Melayu. Ia diletakkan di bawah pimpinan Abdullah C.D. dan Rashid Maidin. Oleh itu, ia lebih dikenali sebagai Rejimen Melayu PKM. C.C. Too, "The Communist Party of Malaya and Its Attempts To Capture Power", Kuala Lumpur, November 1989, hlm. 10; SP. 127/A/1, National Liberation Struggle and The Communist Global Strategy: Their Development and Impact Upon Communist Insurgency In Malaysia. Berdasarkan dokumen yang dirampas dari kem komunis berdekatan Jitra, Kedah, menunjukkan bahawa objektif pihak komunis adalah untuk mengindoktrinasikan orang Melayu dengan idea politiknya. Ini menunjukkan adanya usaha untuk mempengaruhi orang Melayu dengan ideologi komunis. Inward Telegram, 18 June 1949, C.O. 717/173/52849/11/1, Law and Order, Weeking Situation Reports From The Federation, hlm. 152. Begitu juga, penemuan 30,000 penduduk Melayu kampung di kawasan Kuala Pilah/Jelebu, Negeri Sembilan yang menyokong komunisme disifatkan sebagai suatu perkara yang amat mengecewakan oleh akhbar *The Straits Times*. *The Straits Times*, 21 October 1954, hlm. 6. Sementara itu, orang Melayu yang menyertai pertubuhan kiri, termasuk Angkatan Pemuda Insaf (API), Ikatan Pembela Tanahair (PETA) dan PKM adalah kerana tertipu dengan propaganda yang diperjuangkan oleh pertubuhan tersebut. Misalnya, di daerah Kubang Pasu, Kedah, 60 orang Melayu membuat pengakuan pada 27 September 1948 bahawa "... they had joined these political parties because they had been misled and made to believe that such associations were really striving for the well-being of the people." Emergency

Leaflets No 131, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, RCP/PR/1049/48, Emergency Regulations-Publicity Material, 1948/49.

<sup>12</sup> Extract From Personal and Confidential Letter From Sir H. Gurney to Sir T. Lloyd dated 20<sup>th</sup> November 1948, dalam C.O. 717/175/52849/20, Law and Order, Civilian Morale, hlm. 14; Cheah Boon Kheng, *From PKI To The Comintern, 1924-1941*, hlm. 57. Namun demikian, terdapat juga bukti penglibatan orang India dalam pergerakan komunis. Berdasarkan dokumen Tamil yang dirampas berdekatan Batu Arang, Selangor, pada 1 Mei 1949 merujuk kepada bahagian India bagi Parti Komunis Selangor Utara. Dinyatakan, walaupun bahagian itu kecil tetapi aktif. Ia mempunyai hubungan dengan pengganas komunis berbangsa Cina tetapi hubungan mereka adalah tegang. Inward Telegram, 11 June 1949, dalam C.O. 717/173/52849/11/1, Law and Order, Weeking Situation Reports For The Federation, hlm. 156.

<sup>13</sup> A Paper on The Dimensions and Nature of The Security Problem Confronting The Government of The Federation of Malaya, 16 September 1948, dalam C.O. 717/177/52849/41, Law and Order, The Squatter Problem, hlm. 117.

<sup>14</sup> Tan Cheng Lock dilahirkan pada 5 April 1883 dalam sebuah keluarga hartawan di Melaka. Beliau melengkapkan Darjah VII di *Malacca High School* pada tahun 1899. Seterusnya, beliau melanjutkan pelajaran di *Raffles Institution*, Singapura. Beliau mula bekerja sebagai seorang guru bahasa Inggeris di *Raffles Institution* pada tahun 1902 sehingga 1908. Selepas mengajar selama enam tahun, beliau menceburkan diri dalam bidang penanaman getah sebagai penolong pengurus di *Bukit Kajang Rubber Estate Ltd.*, antara tahun 1908-1910. Pada tahun 1910, beliau memulakan syarikat getah sendiri, iaitu *Ayer Molek Rubber Co. Ltd.*, *United Malacca Rubber Estate Ltd.*, *Nyalas Rubber Co. Ltd.* dan *Bukit Katil Rubber Estate*. Beliau kemudian menjadi Pengarah *Overseas Assurance Corporation Ltd.*, *Sime Darby and Co. Ltd.* dan *The Oversea Chinese Banking Corporation*. Setelah itu, beliau telah muncul sebagai tokoh masyarakat yang berpengaruh. Beliau dilantik menjadi ahli tidak rasmi Majlis Perbandaran Melaka pada tahun 1912, ahli Lembaga Luar Bandar Melaka pada tahun 1916. Beliau telah menghidupkan semula Syarikat Sukarela Cina Melaka pada tahun 1914. Pada tahun 1918, beliau dilantik untuk mewakili *Malacca Chinese Chamber of Commerce* dalam *United Malaya Council* di Kuala Lumpur. Beliau menjadi Timbalan Presiden *Malacca Chinese Chamber* pada tahun 1926, sementara pada tahun 1928 hingga 1935, beliau menjadi Presiden kepada *Straits Chinese British Association (SCBA)* cawangan Melaka. Beliau juga dilantik sebagai ahli tidak rasmi Majlis Perundangan Negeri Selat dari tahun 1923-34. Melalui usahanya sebagai ahli majlis itulah Kerajaan Britain telah melantiknya ke jawatankuasa perkahwinan Cina pada tahun 1927 untuk melaporkan tentang adat perkahwinan Cina yang akhirnya menyebabkan Ordinan Perkahwinan Sivil diperkenalkan pada tahun 1940. Beliau juga dilantik ke Majlis Eksekutif Negeri-Negeri Selat pada tahun 1933-1955, dan menjadi orang Asia yang pertama duduk dalam Majlis itu. Beliau juga menjadi wakil rasmi Negeri-Negeri Selat ke upacara pertabalan King George VI di London pada tahun 1937 dan ahli Jawatankuasa Perundangan Cina di Negeri-Negeri Selat yang ditubuhkan pada awal 1930-an. Beliau menetap di India (1942-1946) semasa Jepun menguasai Tanah Melayu. Di sana, beliau menubuhkan Persatuan Orang Cina Seberang Laut. Beliau pulang ke Tanah Melayu semula selepas Jepun menyerah kalah. Sejak itu, beliau melibatkan diri lebih aktif dalam politik tanahair menentang perlombagaan Persekutuan Tanah Melayu melalui AMCJA. Selain itu, beliau juga tidak lupa memperkuuhkan semula perniagaannya di samping menjadi Pengarah akhbar *Malayan Tribune*. Mulai tahun 1949, beliau berkompromi semula dengan British melalui organisasi politik, ekonomi dan sosial seperti MCA, *Communities Liaison Committee (CLC)*, IMP dan Parti Perikatan. Sebagai Presiden MCA sehingga 1958, beliau terlibat secara langsung dalam usaha menuntut berkerajaan sendiri dan mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu. Beliau bersama-sama dengan Tunku Abdul Rahman menghadiri perjumpaan yang tidak berhasil dengan Chen Ping di Baling, Kedah pada Disember 1955. Menerima penganugerahan gelaran K.B.E. dari Britain dan taraf Dato' (D.P.M.J.) dari Johor serta Tun (S.M.N.) dari Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Beliau meninggal dunia pada Disember 1960 dan dikebumikan di Melaka. Panduan Sumber-Sumber Sejarah Malaysia, Koleksi Surat-surat Persendirian, Arkib Negara; Yeo Siew Siang, *Tan Cheng Lock: The Straits Legislator and Chinese Leader*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1990, hlm. 1-74; K.G. Tregonning, "Tan Cheng Lock: A Malayan Nationalist", *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. X, No. 1, March 1979, hlm. 28-51; Alice Scott-Ross, *Tun Dato Sir Cheng Lock Tan*, Singapore: Alice Scott-Ross, 1990, hlm. 1-300; Lee Kam Hing & Chow Mun Seong, *Biographical Dictionary of The Chinese In Malaysia*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1997, hlm. 151-152; Tjoa Hock Guan, "The Social and Political Ideas of Tun Datuk Sir Tan Cheng Lock", dalam Kernal Singh Sandhu and Paul Wheatley (eds.), *Melaka: The Transformation of A Malay Capital c.1400-1980*, Vol. 2, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1983, hlm. 299-323; A.J. Stockwell, *British Policy and Malay Politics During The Malayan Union Experiment 1942-1948*, Kuala Lumpur: MBRAS, 1979, hlm. 178;

K.G. Tregonning, *A History of Modern Malaya*, London: Eastern Universities Press Ltd., 1964, hlm. 295. Lihat juga Laporan & Statement of Account The United Malacca Rubber Estates Limited For The Year Ended 30<sup>th</sup> April 1948, dalam C.O. 717/174/52849/13/1, Law and Order, Return of Sir Edward Gent, Representations by Mr. Tan Cheng Lock, hlm. 14; *Federation of Malaya Year Book 1956*, hlm. 147; *Federation of Malaya Year Book 1957/58*, Kuala Lumpur: A Malay Mail Publication, tiada tahun, hlm. 131. Lihat juga Inventori Surat Persendirian Tan Cheng Lock (SP. 13), hlm. 1-3; *Nanyang Siang Pau*, 17 April 1949, hlm. 7; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 16 April 1949, hlm. 4. Rujuk juga Soh Eng Lim, "Tan Cheng Lock: His Leadership of the Malayan Chinese", *JSEAH*, Vol. 1, No. 1, March 1960, hlm. 34-61; Tan Liok Ee, "Descent and Identity: The Different Paths of Tan Cheng Lock, Tan Kah Kee and Lim Lian Geok", *JMBRAS*, Vol. LXVIII, Part 1, 1995, hlm. 1, 3, 5 dan 15; Amarjit Kaur, *Historical Dictionary of Malaysia*, hlm. 146-147; K.J.Ratnam, *Communalism and The Political Process In Malaya*, hlm. 229; Nicholas J. White, *Business, Government, and The End of Empire Malaya, 1942-1957*, hlm. 295; Sidek Fadzil, *Sejarah Orang China Di-Tanah Melayu*, hlm. 114-115; Noel Barber, *The War of The Running Dogs*, hlm. 87; Zainal Abidin Abdul Wahid *et al.*, *Malaysia, Warisan dan Perkembangan*, hlm. 303-306; John Gullick and Bruce Gale, *Malaysia: Its Political and Economic Development*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1986, hlm. 61; James P. Ongkili, *Nation-building in Malaysia 1946-1974*, hlm. 71-73; Ramlah Adam, *Sumbanganmu Dikenang*, hlm. 85-123; Victor Purcell, *The Memoirs of a Malayan Official*, hlm. 274; Karl von Vorys, *Democracy Without Consensus: Communalism and Political Stability in Malaysia*, Princeton: Princeton University Press, 1975, hlm. 74-75; SP. 18/9C/215, *Majalah Bulanan Malaya*, Jilid 2, Bil. 8, 1957, hlm. 6 dan 8; Ibrahim bin Mohamad, 'Tan Cheng Lock, Perjuangan Yang Berterusan', Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1987/88, hlm. 4-5.

<sup>15</sup> SP. 13/A/6, The Malayan Constitutional Proposals, hlm. 1. Perkara yang sama juga dinyatakan dalam M 135/1976, Tun Tan Cheng Lock Papers (Letters, Memos & Speeches etc.), 1923-1959. Terdapat sumber yang menyatakan kira-kira 95% daripada penggalas adalah orang Cina. Malaya, hlm. 4, dalam C.O. 1022/2/SEA10/03, Information Supplied To Government Departments on The General Situation of The Emergency in Malaya.

<sup>16</sup> *Facts About Malaya*, Jabatan Penerangan Kuala Lumpur, 1952, dalam Fail Jabatan Penerangan Persekutuan Tanah Melayu, INF. 273/52, Pamflet: *Facts About Malaya*.

<sup>17</sup> Federation of Malaya Monthly Newsletter No. 11, dalam C.O. 717/183/52928/24, Political Developments Monthly Newsletter, hlm. 12.

